



**DEWAN Negeri Selangor YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 04 NOVEMBER 2016 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang Ketiga Belas pada 04 November 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi semua. Soalan 39 telah dijawab sekali dengan soalan 9. Sabak. Tidak hadir. Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF**: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK:TANAH PAYA INDAH WETLAND**

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini tanah di Lot 68054 Mukim Tanjung 12.
- b) Nyatakan syarikat pemilik tanah ini berserta pemegang saham-sahamnya
- c) Apakah rasional di sebalik tindakan untuk menukar status tanah berkenaan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya akan jawab soalan ini bersekali dengan soalan 215 kerana ia adalah dengan topik yang sama. Saya bermula dengan jawapan untuk soalan 215 daripada Rawang iaitu adakah Kerajaan Negeri Selangor mengubah *zoning* Paya Indah Wetland dan menjual Paya Indah Wetland. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini Kerajaan Negeri Selangor tidak mengubah *zoning* Paya Indah Wetland dan tidak menjual Paya Indah Wetland. Dengkil telah tanya soalan berkenaan tentang Lot tanah sebelah Paya Indah Wetland kerana beliau sekarang tau beliau adalah antara anggota dalam jawatankuasa induk pembangunan dan juga pengurusan Paya Indah

Wetland. Tahniah, syabas. Status terkini tanah di lot 68054, Mukim Tanjung 12 adalah berikut iaitu status terkini adalah kategori bangunan dan mempunyai syarat nyata bangunan kediaman. Berdasarkan maklumat carian hak milik di dalam sistem pendaftaran Tanah berkomputer SPTB Lot 68054 telah didaftarkan di atas nama Gamuda Land(T12) Sdn. Bhd. Untuk makluman Y.B., mengikut rekod SPTB pemilik asal Lot 68054 sebelum ini telah meminda nama syarikat daripada Salak Land Development Sdn. Bhd. kepada Gamuda Land (T12) Sdn Bhd. Perubahan nama ini adalah perubahan milikan syarikat dan ianya tidak melibatkan transaksi, pindah milik tanah dan tidak memerlukan sebarang kebenaran ataupun *consent* dengan izin daripada Pihak Berkuasa Negeri. Berhubung dengan soalan daripada Y.B. Dengkil yang bertanyakan apa rasional di sebalik tindakan untuk menukar status tanah berkenaan. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini semua pemilik tanah bermilik ataupun dengan izin *alienated land* boleh memohon pengubahan kategori dan syarat nyata tanah. Walau bagaimanapun kategori dan syarat nyata tanah yang dipohon hendaklah selari dengan *zoning* guna tanah semasa dibawah rancangan tempatan yang diwartakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam hal ini pemilik tanah Lot 68054 telah pun memohon untuk mengubah kategori dan syarat nyata tanah tersebut. Dan pihak berkuasa negeri telah meluluskan permohonan itu dengan mengambil kira semua peraturan yang sedang berkuatkuasa khususnya pematuhan terhadap *zoning* semasa bagi permohonan melibatkan Lot 68054. Semasa pelaporan kepada SELCAT isu pengubahan *zoning* ini telah diambil maklum dan pengubahan tersebut mematuhi Garis Panduan Pindaan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Langat. Pada masa yang sama Kerajaan Negeri ingin memaklumkan bahawa permohonan pengubahan kategori dan syarat nyata tanah yang berkenaan sebelum ini pernah dipohon dan pernah diluluskan sebanyak tiga kali iaitu pada Mac 1996, 13 Oktober 2004 17 2015.

**TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER** : Dengkil

**TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih EXCO. Jawapan daripada soalan saya tadi. Terima kasih jugalah melantik saya sebagai Jawatankuasa Paya Indah Wetland ini. Rupanya daripada 2007 sejak saya sebelum jadi....

**TUAN SPEAKER** : Soalannya Dengkil

**TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Soalannya saya nak bertanyakan lot yang bersebelahan Paya Indah Wetland iaitu Lot 68054 ini yang juga berada dalam kawasan saya. Saya tidak mahu bertanya berkenaan isu *WhatSapp*, isu-isu pindah milik syarikat dan sebagainya kerana ini telah pun diputuskan oleh speaker sebagai dalam bidang kuasa SPRM. Apa yang saya *concern* di sini tekankan tanah itu dibeli dengan harga yang mahal, beratus juta. Sudah tentu premiumnya juga akan tinggi. Apakah bentuk pembangunan perumahan kalau ada sekiranya nanti, bagaimanakah bentuk perumahan yang akan dijalankan. Adakah rumah-rumah ni bakal dijalankan



rumah mampu milik ataupun rakyat tempatan ini akan hanya mampu melihat menjadi pemerhati kepada kawasan perumahan tersebut dan selain daripada itu .....

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Satu soalan sahaja Tuan Speaker...

**TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tak ini sambung.....

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tidak ada sambungan. Tetapi saya akan cuba seberapa boleh kerana isu perumahan sebenarnya sepatutnya dijawab oleh rakan saya disebelah kiri. Satu, saya ingin jelaskan kepada Y.B. Dengkil. Lantikan bahawa ADN ataupun Y.B. Dengkil menjadi anggota Jawatankuasa Induk Pengurusan dan Pembangunan Paya Indah Wetland bukan lantikan Kerajaan Negeri. Ianya dimaterai dalam MOU yang ditandatangani sejak tahun 2017. So, kalau diberi pilihan saya rasa Kerajaan Negeri akan lantik EXCO Alam Sekitar yang akan duduk bukan ADN Dengkil.

**TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya, saya persilakan. Saya tak pernah dipanggil mesyuarat dan sebagainya. Saya persilakan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Tentang isu perumahan apa jenis pembangunan yang bakal dijalankan disitu sudah tentu mana-mana pembangunan yang lebih daripada sesuatu keluasan diwajibkan untuk dibangunkan rumah-rumah Selangorku. Jadi untuk maklumat yang terperinci saya ingin syorkan kepada Y.B. Dengkil untuk ada perbincangan seterusnya dengan Y.B. Cempaka dan juga Lembaga Perumahan Hartanah Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN IR. HAJI HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Tambahan

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN IR. HAJI HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin penjelasan berapakah jumlah keluasan tanah yang akan dibangunkan oleh Gamuda Land tu berbanding dengan keluasan Wetland yang telah ataupun yang sedia ada tu.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Untuk makluman Tanjung Sepat ini anggaran kerana ini soalan yang agak spesifik. Paya Indah Wetland anggaran ataupun total maaf, jumlah keluasan Paya Indah Wetland adalah 450.769 hektar *four hundred and fifty point seven hundred and sixty nine hectres* dengan izin. Warta ini masih kekal sehingga kini. Kawasan pembangunan Gamuda Land (T12) anggarannya lebih daripada 600 hektar.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker.  
Soalan 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : PEKERJA LADANG**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah KPI program kerajaan dalam usaha membantu nasib pekerja ladang?
- b) Berapa ramaikah pekerja lading yang telah mendapat bantuan kerajaan mengikut daerah dan apakah bentuk bantuan yang diberikan?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih tuan Speaker. Saya ingin menjawab soalan ini bersamaan dengan soalan daripada Bukit Melawati 102. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang sentiasa mensasarkan yang terbaik kepada para pekerja ladang di Negeri Selangor. Samada yang masih berkhidmat mahupun yang telah bersara. Sasaran Kerajaan Negeri kepada kelompok ini adalah untuk menjadikan mereka lebih berdikari dan mampu untuk membentuk sebuah komuniti yang harmoni dan sejahtera dalam arus pemodenan zaman yang kian berkembang pesat. Kerajaan Negeri amat komited dalam menjaga hak dan kebajikan pekerja ladang di negeri ini. Pelbagai program telah dianjurkan bagi memenuhi kehendak sekaligus meningkatkan kemahiran dan motivasi dalam diri mereka melalui program usahasama dengan badan bukan kerajaan. Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak menganjurkan program-program khusus untuk membantu para pekerja ladang termasuk anak-anak mereka untuk sama-sama menikmati faedah dari pelbagai aspek termasuk pendidikan dan bantuan kewangan untuk meringankan bebanan mereka dalam mengharungi hidup sebagai golongan yang dianggap susah.

Program pendidikan anak-anak pekerja ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini terbuka kepada seluruh anak-anak pekerja ladang di Negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Program-program yang diadakan adalah khusus untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dalam meringankan bebanan yang ditanggung dalam kehidupan seharian. Antara program-program yang telah dilaksanakan disepanjang tahun khususnya bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

Sumbangan bantuan subsidi tambang bas sekolah, pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang yang layak bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga. Kedua, bantuan yuran pengajian. Yang pendidikan tinggi di Malaysia. Bantuan yuran pengajian maksima sebanyak RM5,000.00 kepada setiap pelajar yang layak bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak-anak kepada ibu bapa. Ketiga, program penyampaian anugerah kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR). Penyampaian anugerah adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolehi oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak-anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang juga pekerja ladang. Keempat, program-program motivasi UPSR untuk anak-anak pekerja ladang. Program ini dianjurkan adalah sebagai satu langkah kerajaan dan negeri dalam memastikan anak-anak di Negeri Selangor khususnya anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna. Program berbentuk seminar ini dilaksanakan khusus untuk membantu anak pekerja ladang yang akan mengambil peperiksaan UPSR. Sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan juga teknik menjawab peperiksaan. Dibawah jawatankuasa pekerja ladang kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran. Bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan bantuan-bantuan yang sedia ada yang dilaksanakan dan akan menambahbaik program-program tersebut dari masa ke semasa.

Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Tetap telah menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada pekerja ladang di Negeri Selangor. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah Perayaan Pesta Ponggul peringkat Negeri Selangor, Perayaan Thaipusam peringkat Negeri Selangor, Program bersama pemimpin-pemimpin Badan Bukan Kerajaan dan bekas pekerja ladang, program lawatan turun padang yang dihadiri oleh diri saya sendiri, program sambutan Deepavali di peringkat Negeri Selangor. Jawatankuasa tetap Pekerja Ladang telah banyak membantu pekerja ladang dalam meringankan beban dalam arus pemodenan yang semakin berkembang pesat. Pembangunan ekonomi di kalangan pekerja ladang merupakan teras kepada kehidupan yang lebih selesa dan terjamin di masa hadapan. Justeru itu program-program yang telah dilaksanakan memberi tumpuan kepada pekerja ladang di Negeri Selangor dalam meningkatkan pendapatan sampingan mereka menerusi penganjuran program-program yang berbentuk kursus kemahiran jangka pendek seperti membuat kek dan coklat, kelas jahitan, kelas solekan membaiki peralatan, membuat kraf tangan, serta ceramah dan taklimat membantu meningkatkan keyakinan dan semangat di kalangan pekerja lading untuk terus maju dan berdaya saing. Program-program kemahiran seperti ini dilihat sedikit sebanyak membantu para pekerja ladang dalam asas-asas kemahiran ilmu yang boleh menjana pendapatan sampingan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Alam Shah boleh ringkaskan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Saya sebenarnya ada dua soalan, saya pohon masa mungkin 2, 3 minit lagi. Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Tetap Peladang juga telah membantu beberapa keluarga terdiri daripada pekerja lading menyelesaikan isu berkaitan rumah dan seumpamanya. Di antara ladang-ladang yang bantu adalah seperti berikut:-

- a) Ladang Bukit Raja seramai 75 keluarga dibantu dalam memiliki rumah terus 1 tingkat dan harga *discount* Portfolio Pekerja Ladang. Selain itu juga, Portfolio Pekerja Ladang telah banyak membantu mereka untuk mendapat kuil dan Dewan Komuniti sebagai pecahan kepada mereka.
- b) Di Ladang Bangi seramai bekas 22 pekerja lading telah dibantu mendapat persetujuan oleh majikan pemilik tapak tersebut untuk membina rumah kos rendah dan kos ditanggung sepenuhnya oleh pemilik tapak tersebut.
- c) Taman Permata Dengkil, Kerajaan Negeri telah menyerahkan 30 ekar kepada Kerajaan Pusat pembinaan rumah kepada 359 bekas pekerja lading daripada kawasan Putrajaya.
- d) Ladang Dainuri seramai 22 pekerja lading telah memanfaatkan dasar perbincangan bersama majikan dan mereka telah bersetuju untuk membina 22 rumah kepada pekerja lading dan memberikan tapak rumah ibadat.
- e) Ladang Tumbok Kerajaan Negeri telah Berjaya membantu seramai 12 pekerja bekas pekerja lading memiliki rumah dan tapak rumah.
- f) Ladang Semenyih, Kerajaan Negeri melalui perbincangan dengan majikan dan pemilik lading telah Berjaya membantu mendapatkan rumah teres 2 tingkat dengan *discount* dengan 25 bekas pekerja lading dan tempat beribarat dan juga Sekolah tapak Jenis Kebangsaan Tamil yang telah diperbesarkan.
- g) Ladang Dusun Durian, Kerajaan Negeri telah Berjaya menyelesaikan pembatalan rizab Melayu yang telah dijadikan tapak perumahan kepada bekas pekerja lading dan juga tempat beribadat.

Dalam memberi jawapan kepada Bukit Melawati soalnya berkaitan tentang perincian perbelanjaan di bawah Jawatankuasa sehingga 2016. Bagi pembangunan pekerja ladang jumlah peruntukan RM500,000.00 prestasi perbelanjaan RM450,510.00 baki adalah RM 19,490.00 dan selebihnya dalam proses pembayaran. Untuk bagi program pendidikan anak-anak pekerja lading jumlah

peruntukan adalah sebanyak RM1 juta, prestasi perbelanjaan adalah sebanyak RM 90,622.00 dan baki adalah RM141,738.00.

**TUAN SPEAKER** :Tanjung Sepat dulu.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Speaker, saya sebenar tanya soalan pendek jawapan panjang. Cuma kalau Y.B. EXCO lantikan soalan saya dan apakah *Key Performance Index* dengan izin terhadap Kerajaan bagi membantu pekerja lading, jawapan panjang lebar tetapi tidak ada menjelaskan apakah *target* atau sasaran Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja-pekerja lading ini. Saya lihat pekerja lading ini yang merupakan satu aset atau mereka yang patut dibela terutama daripada untuk meningkatkan pendapatan.

**TUAN SPEAKER** : Soalannya Tanjung Sepat?.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Soalan sebenarnya usaha Kerajaan bagi membantu pekerja lading itu dalam mereka meningkatkan pendapatan isi rumah masing-masing kerana kita nak memberikan bantuan bukan sekadar untuk memberi umpan tetapi seharusnya membolehkan mereka berdikari sebaik mungkin.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Tanjung Sepat, perlu diingatkan disini soalan a) tentang KPI telah ditolak. Tiada soalan dibenarkan oleh sesiapa EXCO atau Menteri Besar. Kedua dalam jawapan saya panjang lebar saya telah menjelaskan dengan secara jelas bahawa bagaimana program-program di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang membantu memberi bantuan kepada pekerja lading dengan jelas dijelaskan.

**TUAN SPEAKER** :Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Tuan Speaker,di Ijok banyak lading-ladang untuk meningkatkan mutu melalui pendidikan Ijok nak tanpa kenapa Sekolah Tamil di Ijok di rancang dasar *Corfield* belum lagi dan sejak tahun saya wakil rakyat tak mula-mula dan juga kenapa asrama yang sebenarnya anak-anak lading perlu di Ijok, saya dengar dialih ke tempat lain. Sila beri penjelasan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Y.B. Ijok, saya memang tahu Ijok memang berapat dengan warga pekerja lading. Tentang Sekolah saya percaya dalam bajet *meeting* telah pun bajet *speech* diizin YAB Dato' Menteri Besar telah memberi persetujuan bahawa pembinaan telah dilaksanakan dalam masa terdekat. Perkara yang lain saya percaya ia tidak berkaitan dengan soalan pokok,dengan itu terima kasih.

**TUAN SPEAKER** :Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN:** Terima kasih, saya nak bertanya bersama Y.B. EXCO soalan ini menjurus kepada pekerja lading. Bagaimana dengan bekas-bekas pekerja lading yang duduk di Elmina yang sudah 3 keturunan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, Paya Jaras. Soalan khusus bagaimana pun saya ingin menyatakan disini dekat bekas pekerja lading di Elmina ada 11 sebenarnya ada lebih kurang 16 pekerja ladang. Dalam perbincangan di bawah *meeting* dengan Sime Darby, Sime Darby telah bersetuju untuk memberi rumah *discount* pembinaan Rumah Selangorku *discount* untuk mereka. Bagaimana pun bekas pekerja ladang tidak menerima dan saya percaya mereka telah, mereka ingin membawa ini dalam Mahkamah untuk mendapatkan satu peruntukan yang lebih besar untuk mereka. Dalam pada itu juga dapat kami selesaikan isu-isu tentang tapak kuil di situ. Itu telah diselesaikan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : JAMBATAN KETIGA KLANG**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status perkembangan terkini pembinaan Jambatan Ketiga Klang?
- b) Adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan sebahagian kos pembinaan jambatan yang disebabkan oleh pengambilan tanah swasta dengan memohon bayaran balik daripada Kerajaan Persekutuan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** *Assalamualakum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera, Tuan Speaker terima kasih kepada Kampung Tunku yang bertanyakan soalan dan saya ingin menjawab sekali dengan nombor 216 daripada Bukit Melawati berkaitan Jambatan Ke 3 Klang yang merupakan Jambatan yang kedua panjang di Malaysia yang menggunakan teknologi *balance ... board girdle* yang mana tidak ada tiang di dalam sungai. Yang baru-baru ini Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Besar telah pun menyempurnakan Majlis Perasmian Penyambungan Projek Jambatan Ketiga Klang yang telah pun membawa ke peratusan siap sebanyak 88% yang sebenar berbanding dengan jadual sebanyak 95.29% di mana kelewatan 7.29% iaitu sebanyak 51 hari di mana kelewatan ini

disebabkan oleh masalah dengan pengambilan tanah pengalihan tokong yang menyebabkan pengalihan kerja-kerja tilik terjejas dan penambahan kerja pembinaan klinik kesihatan yang baru bermula pada bulan Oktober 2016 dan Kerajaan Negeri juga sebenarnya dalam klinik ini memperuntukkan RM 6 juta untuk membina klinik yang dimaksudkan dan menggantikan klinik kesihatan yang sedia ada dan dijangka akan siap pada Mei 2017.

Dan berkaitan dengan pembiayaan yang ditanya oleh Bukit Melawati, status belanjawan kewangan mengikut jadual adalah 79.9% sebenar 75.1% dan Bukit Tunku bertanya tentang adakah kerajaan bercadang untuk memulihkan sebahagian kos pembinaan jambatan melalui bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan. Kita tahu dari sejarahnya Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan pembinaan jambatan ketiga Klang ini pada 4 Mac 2018 sebelum Pilihanraya Umum Yang Ke dua belas dan semua orang tahu Majlis Pecah Tanah telah dirasmikan oleh bekas Menteri Kerja Raya Dato S. Samy Velu bersama dengan bekas Dato' Menteri Besar Selangor Dr. Khir Mohd Toyo dengan kos kontrak yang dianggarkan sebanyak RM300 juta di mana selepas Pilihanraya yang Ketiga belas tidak ada dengar khabar berita. Walau bagaimana pun di peringkat JKR pun menghantar surat tetapi pada Januari 2015 namun permohonan pertukaran tersebut masih belum berjaya dan juga saya dikhabarkan Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar sendiri menyatakan secara langsung kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan supaya Kerajaan Persekutuan melihat untuk penggantian atau membayar balik kos pembinaan Jambatan Ke 3 Klang atau bentuk-bentuk projek yang lain, terima kasih.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Saya sangat perhatian dengan kos ini dan saya ingin bercadang atau pun bertanya sama ada mungkin atau tidak Kerajaan memandangkan Kerajaan Negeri sekarang mempunyai hutang dengan Kerajaan Persekutuan lebih kurang RM100 juta kalau saya tidak pasti, kalau saya tidak silap. Saya memohon sama ada kalau kos Projek Jambatan Ke 3 Klang ini dikontra dengan hutang dengan Kerajaan Persekutuan melalui apa-apa cara atau pun tatasusila kewangan yang dicadangkan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Kampung Tunku di atas cadangan yang bernas dan tuntas, saya ingat cadangan itu kita fikirkan dan di bawa dalam perbincangan, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Selat Kelang soalan seterusnya.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Soalan No. 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KELANG)**

**TAJUK : PENGURUSAN PENGASAPURI KOS RENDAH**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan usaha kerajaan untuk memastikan pangsapuri kos rendah akan diurus dengan lebih berkesan dan efektif?
- b) Apakah tindakan kerajaan untuk memperdayakan kumpulan generasi kedua (anak muda) pangsapuri kos rendah?
- c) Berapakah kos yang dilaburkan oleh kerajaan Selangor untuk (b)?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : *Bismillahi Rahmani Rahim* berdasarkan Akta Hak milik Strata 1985(Akta 318), hak milik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata hak milik semua pemilik dan mereka bertanggungjawab untuk menyenggara dan menguruskan bangunan pangsapuri sendiri. Walau bagaimanapun, atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program "Memberdayakan Komuniti" untuk membantu menyelesaikan masalah secara tuntas bagi semua pangsapuri kos rendah dengan penekanan kepada 3 aspek pengurusan seperti berikut:-

- i. Pengurusan Fizikal
- ii. Pengurusan Komuniti
- iii. Pengurusan Kepimpinan

Sehingga kini pencapaian atau pun pelaksanaan bagi 19 program untuk "Memberdayakan Komuniti Pangsapuri telah dilaksanakan. Ianya adalah yang pertama adalah program ceria yang kita tahu adalah Program Bantuan Kewangan untuk membaik pulih harta bersama secara perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk iaitu *Caring Government For Residents Improvement Aid*, Yang kedua adalah program SAFWA (*Selangor Free Water for Apartment*) iaitu pemberian rebet air percuma MR11.40 kepada pangsapuri kos rendah yang menggunakan meter air pukal melalui kaedah "Lapor dan Dapat". Ketiga adalah PERMAI (Pemudah Penyelesaian Migrasi Meter Air Individu) Penyelarasan bagi pelaksanaan migrasi meter air individu bersama SYABAS, COB PBT dan JMB/MC. Yang Keempat adalah Perpustakaan Komuniti menyediakan prasarana kepada komuniti



bagi mewujudkan budaya “Masyarakat Berilmu” dan seterusnya adalah program Laman Hijau program pembangunan kawasan hijau di pangsapuri.

Kita juga ada Kempen Bersih, Ceria dan Harmoni yang seterusnya adalah SKORA (Skim Pengenalan Pengurusan Bangunan Strata) kemudian SEROJA (SKIM Keselamatan Kejiranan Pangsapuri) membantu pangsapuri memasang CCTV atau pun Lead Kamera Putar Tertutup yang keempat adalah FOKUS UNIT SYER. Fokus adalah format kurikulum berstrata iaitu Program untuk mendidik atau program memberi kursus dan latihan TNB dan MC bagaimana hendak menyelesaikan atau mengurus mereka, kemudian pintu sebanyak 50% kita ada OPS Bayar dan kita juga ada program K-STAC (Sistem Tadbir Urus Akaun) menyediakan sistem dan set peralatan komputer kepada JMB/MC supaya dapat menyediakan akaun secara sistematik seterusnya sebagai persediaan untuk pelaksanaan auditan ke atas akaun pengurusan bangunan.

Yang kelapan dan seterusnya adalah kempen k-inovasi, program seterusnya adalah program atau kempen sisa pepejal dan program kepimpinan pengurusan, program *k-star* iaitu satu program di mana kita ianya adalah program pertandingan di antara JMB dan MC yang terpilih. *Insyallah detail* secara terperinci program tersebut akan saya edarkan selepas ini. Untuk soalan yang seterusnya di mana pihak Yang Berhormat telah bertanya apakah tindakan kerajaan untuk memperdayakan kumpulan generasi kedua atau anak muda Pangsapuri Kos Rendah. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu program yang dinamakan Kelab Interaktif Komuniti. Bertujuan mewujudkan pangsapuri yang mampu mencetuskan bahan untuk komuniti bestari. Melalui program ini belia berumur 15 hingga 30 tahun yang berpotensi berjumlah 20 orang setiap pangsapuri akan dibimbing mempunyai keyakinan untuk menjadi pemimpin dan memberi sumbangan kepada komuniti ke arah bersih, ceria dan harmoni. Selain itu mereka ini juga merupakan bakal-bakal pemilik rumah pangsapuri berpotensi pada masa hadapan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM99,101.20 untuk program ini. Untuk memperkasakan program klik ini Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sejumlah RM300,000.00 pada tahun 2017 dan 2018 bagi memastikan program klik ini dapat dilaksanakan secara berkesan, terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO bagaimana kerajaan memastikan JMB-JMB yang sedia ada ini mendapat maklumat dan mengemaskinikan maklumat tentang bantuan dan skim-skim yang diadakan khusus untuk pangsapuri yang disebutkan oleh EXCO.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Dan di dalam program fokus iaitu format kurikulum berbangunan berstrata kita sentiasa mengadakan program-program, program pendidikan atau latihan pengurusan di mana kita panggil pengerusi-pengerusi JMB menurut PBT-PBT untuk memberi latihan dan melalui program-program sedemikianlah di mana kita juga akan memberikan maklumat-maklumat tentang kemudahan atau tawaran-tawaran yang terkini daripada Kerajaan Negeri untuk mereka yang tinggal di pangsapuri. Selain daripada itu kita kerap mengadakan kempen-kempen contohnya yang terkini sekarang ini kita ada satu program selama sebulan lebih kurang beberapa minggu iaitu program itu bernama program sambutan pangsapuri Malaysia harmoni. Di mana kita telah mengadakan satu karnival di kawasan MPKJ di Kajang di Pangsapuri Firma Cempaka iaitu pada dua minggu lepas. Dinamakan Karnival Komuniti Ceria dan kemuncaknya adalah pada hari Sabtu ini pada 5hb November di mana kita akan mengumpulkan semua JMB dan MC dari Negeri Selangor untuk himpunan JMB dan MC di mana di situ kita akan mengumumkan pemenang mengikut kategori JMB dan MC yang terbaik. Jadi bermakna bahawa sentiasa ada pertemuan pada peringkat Negeri ataupun di peringkat PBT untuk memaklumkan program-program terkini kepada pangsapuri-pangsapuri tersebut, terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker, ingin bertanya kepada pihak EXCO, sebelum itu saya nak ucap tahniah kerana banyak sangat programnya dan saya tertarik dengan program spora JMB, MC untuk menguruskan dan kes stok apa ke *side* akaun ya. Jadi saya yakin pihak lembaga sebenarnya mempunyai, apakah pihak lembaga mempunyai satu data khusus JMB-JMB yang bermasalah dan apakah program-program yang dinyatakan di atas tadi itu berbentuk program-program yang dimestikan kepada JMB yang bermasalah ini sebabkan kita lihat kebanyakan penyertaan lebih kepada mereka yang ingin dan berminat tetapi kita tidak mengkhususkan kepada JMB atau pun MC yang bermasalah untuk diwajibkan melalui kursus-kursus yang ada. Jadi apakah ada selama ini tindakan yang sedemikian, terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Kita ada sebenarnya di peringkat lembaga tentang senarai JMB dan MC yang bermasalah sama ada dari segi pengurusan. Lanya sama ada dari segi maklum balas daripada COB atau pesuruhjaya bangunan ataupun aduan-aduan yang kita terima daripada pemilik ataupun penduduk terhadap JMB atau MC. Memang ada usaha-usaha bagaimana nak kita memastikan bahawa JMB dan MC ini dapat berjalan dengan baik. Saya juga ingin menarik perhatian di sini bahawa baru-baru ini dalam program pertandingan inovasi di mana majlis atau COB Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah mendapat hadiah kepada satu program yang mereka laksanakan. Satu

program komputer, sistem yang telah dilaksanakan iaitu mereka mempunyai senarai semua JMB, semua pangsapuri di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan di dalam senarai mereka, mereka ada *detail* bermakna bahawa sama ada telah mengadakan mesyuarat agung, bila mesyuarat agung itu diadakan dan juga tentang kemudahan-kemudahan yang ada di pangsapuri-pangsapuri tersebut. Jadi bermakna selepas ini mungkin kita jadikan apa yang dilaksanakan oleh MPAJ, COB MPAJ sebagai model untuk dilaksanakan di kawasan-kawasan lain atau PBT-PBT lain, terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Saya amat tertarik dengan bantuan yuran air yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri. Saya nak tanya sama ada adakah *possible* kalau MC yang baru ditubuhkan tetapi mereka ada yuran yang tertunggak sejak 2008. Adakah kerajaan boleh membantu dalam menjelaskan yuran air yang mereka hutang selepas 2008.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Hutangnya banyak Yang Berhormat, ada yang berjuta-juta, ratus-ratus ribu, kita seperti mana yang kita lakukan yang pertama kita kerap mengadakan rundingan supaya air itu dapat disambung semula dan kita ada rundingan dengan pihak SYABAS supaya dijadualkan pembayaran. Itu boleh kita lakukan, memang kita lakukan, memang setiap kali memang ada sebab sebelum pemotongan SYABAS akan menghantar surat kepada Lembaga Perumahan dan saya s.k (salinan kepada) dan banyak surat dia tebal tiap-tiap bulan. Jadi kita bincang dengan SYABAS untuk memastikan dapat dibayar akan tunggakan-tunggakan menurut jadual. Tapi masalah kita kena beberapa kalilah sebab kadangkala kita telah jumpa dengan SYABAS, kita telah bersetuju dengan SYABAS dan penduduk bersetuju, JMB bersetuju untuk bayar sebulan berapa banyak tetapi kebanyakan juga JMB yang gagal tidak bayar menurut pelan itu dan kita terpaksa pergi berjumpa lagi. Tapi untuk menjawab soalan asal untuk bayar ia memerlukan satu *fan* yang begitu tinggi kita nak bayar. Dan apa yang kita ada adalah dari segi, ada dan ada dalam keadaan di mana kenapa mereka kadangkala kita kena lihat kenapa bil itu tertunggak dan mahal. Kadangkala berlaku kebocoran dalam tanah jadi yang ini kita bantu melalui Ceria seperti banyak tempat di Dengkil walaupun kawasan Barisan Nasional kita membelanjakan lebih 1 juta untuk beberapa pangsapuri ada berlaku kebocoran di dalam tanah. Kita adil dan kita tidak pilih kasih jadi bermakna kita cuba menyelesaikan dari segi rundingan, dari segi baik pulih, semua kita cuba, kita akan bantu tetapi untuk bayar tunai kepada SYABAS ada kita buat tetapi kita tidak umumkanlah kalau tidak akan jadi Presiden semua orang akan minta. Tapi semua orang dah tahu bagaimana.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Ya saya nak.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama sila duduk. Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Speaker, terima kasih EXCO bantu Apartmen Siantan dalam Program Ceria. Kerajaan Persekutuan pun bantu *Insyallah* Tabung 1 Malaysia.

**TUAN SPEAKER** : Soalan tambahan Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Soalan tambahan seterusnya saya nak tahu berkaitan dengan JMB juga migrasi air banyak masalah yang berkaitan juga dengan hutang tunggakan mereka. Mereka nak migran daripada meter pukal kepada meter individu tetapi hutangnya beratus ribu pada setengah-setengah Apartmen. Ini yang menjadi kekangan mereka tidak boleh membuat migrasi air jadi bolehkah Kerajaan Negeri membantu untuk menyelesaikan supaya semua keseluruhan khususnya di kawasan Negeri Selangor ini apartmen-apartmen atau flat ini boleh dibuat migrasi air dengan membantu menyelesaikan masalah tunggakan mereka itu, terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Memang benar ada Tabung perumahan 1 Malaysia tetapi Ceria datang dulu tetapi baru datang tetapi kita tidak cakup malah mereka tiru persamaan. Maskot kita lebah kalau tidak silap maskot mereka adalah kucing tetapi kalau kucing sengat lebah kucing mati. Lebah sengat kucing. Kita ada program apa yang dinamakan

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tak faham Speaker, bahasa tinggi.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Kita ada program namakan sebagai Ceria. Permai Ceria apabila pangsapuri nak buat migrasi kadangkala dia punyai aspek paip, kedudukan meter terpaksa mereka tukar balik. Terpaksa mereka baik pulih atau mereka tambah atau tukar, kena naik taraf. Permai Ceria memang kita ada *funding* untuk kita bantu pangsapuri untuk naik taraf dia punyai sistem kedudukan paip, kedudukan meter supaya mereka boleh buat migrasi. Mungkin kita boleh tengok sama ada dengan Permai Ceria ini juga boleh kita menyelesaikan tunggakan. Itu kita tidak janjilah itu kita boleh lihatlah akan beberapa banyak tunggakan tersebut. Boleh kita masuk di dalam Permai Ceria.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan.

**TUAN SPEAKER** : Ya Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Adakah Y.B. EXCO bersetuju dengan saya bahawa air percuma adalah ia *target* untuk penduduk-penduduk miskin atau penduduk-penduduk kos rendah tetapi sekarang adalah penduduk-penduduk ini tidak dapat

*enjoy* sebab ada meter pukal ini? So apa yang mereka tidak dapat sejak 2008 adalah tidak adil, saya rasa adakah Y.B. bersetuju dengan saya dan adakah kita ada politik kita boleh dapatkan saksama untuk kos rendah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih Yang Berhormat, untuk makluman bahawa sekarang ini kita tidak perlu ada meter pukal, meter individu yang mendapat air percuma. Kita ada program lapur dan dapat, jadi bermakna bahawa walaupun tidak ada meter individu tetapi bermakna bahawa boleh dapat, lapur dan dapat. Atau kita kena tukar sebab ada komen kenapa nak kena lapur baru dapat baik kita terus kepada mereka maknanya dapat dan dapat. Jadi bermakna bahawa maknanya tanpa meter individu pun boleh dapat air percuma tapi memang kita usaha supaya dapat mereka tukar kepada meter individu supaya prosedur lebih senang. Jadi bermakna dapat air tapi memang kita tukar kepada meter individu supaya senang sedikit prosesnya.

**Y.B. DATUK HALIMATION SAADIAH BINTI BOHAN** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kota Damansara

**Y.B. DATUK HALIMATION SAADIAH BINTI BOHAN** : Terima kasih Tuan Speaker jangan diganggu kucing belang.

**TUAN SPEAKER** : Terus kepada soalan.

**Y.B. DATUK HALIMATION SAADIAH BINTI BOHAN** : Sekali mengaum lebih pun lari. Ok saya cuma nak sedikit pencerahan Y.B.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, tidak betul harimau mengaum, kucing mengiau.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat semua terus kepada soalan tambahan, tak payah pantun-pantun ya.

**Y.B. DATUK HALIMATION SAADIAH BINTI BOHAN** : Ok, Kota Damansara ingin sedikit pencerahan berkenaan dengan JMB yang tidak berfungsi atau pun yang tidak mencapai taraf spekulasi yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Jadi boleh tak kita mendapatkan senarai-senarai nama JMB yang tidak berapa kita kata yang tidak memberi prestasi yang baik di kawasan-kawasan tertentu terutama di Kota Damansara.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada hari Jumaat saya tidak boleh pantun. *Insya-Allah* kita ada dan boleh sebab itu saya tekan bahawa dari segi keberkesanan atau dari segi JMB untuk berfungsi. Di bawah akta yang baru 757 ada banyak peruntukan-peruntukan bukan di mana *intervision state*.

Dulu pun ada bermakna bahawa JMB itu gagal atau JMB bermasalah JOB boleh ambil alih atau keluarkan pengerusi atau jawatankuasa. Ini ada dalam peruntukan akta tetapi saya lebih dan juga boleh melantik agen untuk melaksanakan pengurusan di sesuatu kawasan sekiranya JMB gagal ataupun tidak ada orang yang bersetuju tetapi saya lebih daripada ianya dilakukan bersama bermakna ada Ahli Dewan Negeri bersama dengan JMB dengan kerajaan membantu untuk menghidupkan JMB-JMB tersebut sebab kalau kita terus *support fit* dengan izin, sampai bila pun masyarakat tidak pandai berdikari dan tidak dapat diperdayakan. *Tag line* kita adalah untuk membudayakan bukan memperdayakan itu *in power* JMB jadi bermakna bahawa kita boleh beri kepada semua ADN atas nilai tersebut kita bekerja bersama macam mana kita hendak membudayakan JMB dan MC tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: KUBUR BERSEPADU**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah syarat-syarat pembinaan Tapak Kubur Bersepadu?
- b) Nyatakan lokasi Kubur Bersepadu yang sedia ada dan yang akan dibina/jangka siap, serta bilangan lot.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah mewujudkan tapak perkuburan bersepadu yang merupakan suatu pembangunan tapak perkuburan yang menempatkan tanah perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama. Kemudahan columbarium dan ...di kawasan yang dibangunkan secara bersepadu dan terancang. Syarat-syarat untuk tapak pembangunan perkuburan bersepadu hendaklah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti pejabat pentadbiran, stor perkhidmatan, surau, rumah kakitangan, kompleks pembakaran mayat (*crematorium*), kemudahan Rumah Ibadah selain Islam, kemudahan lawatan depot, penyelenggaraan dan tempat letak kenderaan (kereta dan bas). Selain itu juga kawasan tadahan ( ... *area*) bagi setiap tapak perkuburan yang dijalankan adalah bersesuaian dengan anggaran kira-kira 45 minit perjalanan maksimum. Atau jarak lingkungan *areas* dalam 30 kilometer dengan menggunakan rangkaian jalan raya atau lebuh raya. Di samping itu, pembangunan tapak perkuburan bersepadu juga hendaklah mematuhi keperluan-keperluan sebagaimana termaktub dalam Manual Garis Panduan Piawai Perancangan

Negeri Selangor edisi ke-3 yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bilangan 36/2016 bertarikh 26 Oktober 2016. Berkenaan manual garis panduan saya akan serahkan secara segera. Saya tidak dapat baca di sini. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian secara keseluruhannya tapak perkuburan bersepadu bagi Negeri Selangor berjumlah 1037.7 ekar yang terletak di pelbagai lokasi. Yang sedia luas keseluruhannya adalah 369.89 ekar. Lokasi MBSA 217.96 ekar, Majlis Perbandaran Selayang 3.41 ekar, Majlis Perbandaran Sepang 110.36 ekar, Majlis Daerah Sabak Bernam 25 ekar, Majlis Daerah Hulu Selangor 13.1 ekar. Jumlah lot kubur mengikut kaum adalah: Islam - 63 162, Kristian – 3,830, Hindu 6436, Buddha dan ... 14,381, dan lain-lain 932. Jumlah 88 781. Kerajaan juga komited dalam siap dalam tempoh dua tahun daripada 2016 iaitu 25 ekar di Majlis Perbandaran Sepang telah pun lulus kebenaran untuk 25 ekar. Islam. Jumlah lot kubur mengikut kaum Islam 7080, Hindu 1616, Buddha dan ... 4469 Jumlah 25,730. Dalam perancangan untuk dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2060 berdasarkan unjuran yang dibuat adalah luas keseluruhan ekar adalah 642.87 ekar. Bagi di kawasan Majlis Perbandaran Selayang proses pengambilan tanah bagi 400 ekar sedang dirancang . Bagi kawasan MBPJ peringkat kebenaran merancang 24.89 ekar. Bagi MBSA peringkat kebenaran merancang 50 ekar. Bagi Majlis Perbandaran Kajang peringkat proses pengukuran tapak sedang dilakukan iaitu 168.74 ekar. Dan jumlah lot kubur mengikut kaum dalam perancangan tersebut adalah bagi Islam 190,000.796, Kristian 6,726, Hindu 11,185, Buddha 24,994, lain-lain 1620. Jumlahnya 1154 304.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Saya ingin tahu lot-lot kubur ini nanti siapa yang akan menguruskannya. Adakah ia sama bawah satu pengurusan atau berasingan mengikut agama yang dilotkan?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Taman Medan, perkara sekarang seperti bagi Islam memang di bawah urusan JAIS dan Buddhism dan Hinduisme ada di tempat yang diuruskan oleh pihak swasta dan ada persatuan-persatuan dan juga melibatkan Majlis. Bagi Hinduisme berlaku kesemuanya hampir kesemuanya diurus tadbir oleh Majlis Perbandaran dan ada juga permohonan daripada persatuan-persatuan. Kita masih lagi dalam kajian dalam pengurusan tersebut.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Speaker. Saya satu, sebelum itu saya minta kepada EXCO supaya bekalkan juga manual itu kepada Batu Tiga. Soalan saya, EXCO maklumkan tadi perlu diwujudkan ditapak perkuburan tersebut beberapa kemudahan awam untuk penggunaan penganut-penganut tertentu. Saya hendak tanya soalan saya, apakah, siapakah yang sebenarnya bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut terutama pada tanah-tanah perkuburan bukan Islam yang telah lama yang tidak ada kemudahan-kemudahan ini?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Batu Tiga ini adalah untuk Tapak Perkuburan Bersepadu yang telah lama diwujudkan seperti di kawasan Batu Tiga seumpamanya, saya sedar perkuburan selain Islam yang telah lama wujud. Sepatutnya tanggungjawab adalah di bawah Majlis / di bawah PBT. Kita sedang satu persatu kita buat kajian dan kita juga membawa perkara ini dalam perbincangan dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam bagaimana kita dapat mengurus tadbir dan juga mendapat memberi apa itu, infrastruktur yang lebih baik kepada mereka.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Soalan tambahan. Saya perlu tanya ni.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Siapa atau apa syarat yang dikenakan sebab tadi EXCO, Yang Berhormat EXCO ada tapak perkuburan yang diuruskan oleh persendirian dan pertubuhan. Apa syarat-syarat bagi memikul tanggungjawab tersebut?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Taman Medan, sebenarnya tentang syarat-syarat yang dinyatakan ini belum lagi diputuskan dan masih di dalam kajian. Sebab apa yang sedang berlaku sekarang sebelum tubuhnya Hal Ehwal Selain Islam telah pun diberi kepada beberapa pertubuhan atau persatuan untuk membuat pengurusan tersebut. Kami di bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam masih lagi dalam kajian. Tentukan nanti beberapa syarat akan dikenakan dalam pengurusan tersebut dalam pemilihan mana-mana pertubuhan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tuan Speaker, bagi soalan.

**TUAN SPEAKER** : Kuang. Saya tidak benarkan ADN yang tidak hadir soalnya oleh ADUN yang lain mulai sekarang. Kuang tidak hadir. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Tuan Speaker, soalan nombor 47.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: KUMPULAN HARTANAH SELANGOR BERHAD**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)?
- b) Apakah Status pembayaran pinjaman Kerajaan Negeri kepada KDEB sebanyak RM413 Juta?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Damansara Utama telah pun membangkitkan perkara yang sama dalam Perbahasan Belanjawan 2017 dan bagi pihak Kerajaan Negeri saya telah menjawab perkara yang sama ketika penggulungan petang semalam. Maka sayaohon izin Yang Berhormat Speaker sekiranya jawapan yang diberikan dalam penggulungan tersebut digunakan sebagai jawapan kepada soalan 47 pada pagi ini. *(Sila rujuk Hansard 03 November 2016 – Teks penggulungan Y.A.B. Dato' Menteri Besar).*

**TUAN SPEAKER :** Baiklah. Soalan seterusnya. Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK: ISU SUNGAI CEMUBUNG, KAMPUNG BAHAGIA BUKIT LAGONG**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapa projek menaiktaraf Sungai Cemubung Kampung Bahagian Bukit Lagong masih belum dimulakan sedangkan kini sudah masuk bulan Oktober 2016?
- b) Bilakah projek berkenaan akan dimulakan?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Paya Jaras yang bertanya. Pada tahun ini, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS) telah menerima peruntukan sebanyak RM500 ribu khusus untuk

berkaitan dengan menaiktaraf Sungai Cemubung. Di mana peruntukan ini adalah untuk perbelanjaan lantikan perunding dan juruukur di mana lantikan telah dibuat dan serta masih di fasa reka bentuk terperinci. Tender dijangka akan iklan pada bulan Januari 2017. Kerja-kerja fizikal akan dimulakan pada bulan Mac 2017 mengikut perancangan awalan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Soalan tambahan saya.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Tidakkah ada macam kelewatan untuk kita memulakan projek tersebut sedangkan ini adalah Bajet 2016?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB**:Terima kasih. Seperti mana yang sama maklumkan tadi untuk 2017. Kita selesaikan dahulu perihal reka bentuk dan lantikan perunding dan juruukur yang telah dilantik dan akan dimuktamadkan. Dan memang dirancang untuk 2017 adalah proses pelaksanaan.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Setahun untuk hendak rancang?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Memang dirancang sedemikian. Kita rancang 2016 dan selesaikan dan seperti yang saya maklumkan semalam, 2016 banyak kerja-kerja reka bentuk, lantikan perunding dan juruukur telah pun diselesaikan dan 2017 akan dilaksanakan dan saya minta Paya Jaras sabar sedikit.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Ya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Untuk Januari 2017 akan di tender dan Mac 2017 akan bermula kerja-kerja fizikal.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Tuan Speaker, saya boleh bersabar dan tidak menjadi masalah. Adakah Kerajaan Negeri memberi signal semua Bajet 2017 akan bermula pada tahun 2018?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Paya Jaras. Mungkin Paya Jaras boleh lihat Bajet bahawa dibajetkan adalah untuk pelantikan perunding dan juru ukur menyelesaikan perihal reka bentuk.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Betul. Saya faham. Soalan saya adakah mereka bentuk itu mengambil masa satu tahun? Itu soalan saya . Dalam Negeri Selangor yang ke arah digital.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Reka bentuk dia tidak mengambil sehingga satu tahun dia hanya beberapa bulan tetapi untuk menaik taraf Sungai Cemubung ini dibajetkan untuk 2016 adalah untuk lantikan juru, perunding dan juruukur untuk menyelesaikan kerja-kerja di fasa reka bentuk terperinci. 2017 adalah untuk fasa pelaksanaan untuk kerja-kerja fizikal.

**TUAN SPEAKER** : Sri Muda.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI  
(N50 SRI MUDA)**

**TAJUK: VIRUS ZIKA**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah kes zika yang telah dikesan di Selangor sehingga kini?
- b) Apakah perkembangan terkini pesakit yang dijangkiti virus itu di Singapura yang menetap di Bandar Botanik Klang?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Sri Muda. Tuan Speaker, Selangor dikejutkan dengan satu kes zika pada 19 Ogos 2016. Namun sehingga kini 24 Oktober 2016 hanya satu kes zika sahaja yang dilaporkan di Negeri Selangor. Siasatan yang dijalankan oleh Jabatan Kesihatan daerah Klang mengatakan pesakit tersebut menetap di Bandar Botanik, Klang dan bekerja di Kelana Jaya pernah memasuki Singapura untuk melawat anaknya bekerja dan tinggal di sana. Pihak Jabatan Kesihatan daerah Klang telah mendapatkan sejarah pergerakan pesakit tersebut dan memaklumkan kepada beberapa PKD yang terlibat untuk melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan di lokasi-lokasi yang pernah dilawati oleh pesakit termasuk di daerah Petaling dan Sabak Bernam. Sejumlah 11 *sub team* unit vektor PKD Klang telah menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan. Aktiviti pemusnahan tempat pembiakan di 5 *locality* yang pernah dilawati oleh pesakit antaranya aktiviti lava *double standing*, aktiviti ..., aktiviti ULT.

c) Perkembangan terkini, pesakit tersebut yang dijangkiti zika adalah sihat. Setakat ini, tiada ahli keluarga dan rakan terdekat beliau dilaporkan dijangkiti memandangkan tindakan pantas yang telah dilakukan oleh PKD Klang dan Majlis Perbandaran Klang dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Malawati. Tidak hadir. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG** : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU )**

**TAJUK: PELABURAN AERO ANGKASA DI SELANGOR**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan pelabur, jumlah pelaburan, tempat pelaburan dan peluang pekerjaan AERO Angkasa di Selangor.
- b) Adakah terdapat pelabur yang berpotensi untuk membangunkan kawasan 'lapangan terbang' di Hulu Bernam, Hulu Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Bagi tempoh 2015 hingga Ogos 2016 sebanyak 3 projek perkilangan dalam industri Aero Angkasa telah diluluskan oleh MIDA di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM352,633.600. Projeknya adalah 3 peluang pekerjaan 237, pelaburan tempatan RM321,998.208 dan pelaburan asing 30,635.392. Senarai projek-projek perkilangan dalam industri aero-angkasa yang telah diluluskan di Negeri Selangor seperti berikut:- Bagi UMW Aerospace Sdn. Bhd, lokasi di Serendah, produknya Fan Case for Aero Engines, peluang pekerjaan 166. Bagi Blue Lines Sdn. Bhd., produknya adalah *Aircraft Cabin refurbishment* dan *Aircraft line maintenance*, lokasinya di Sultan Abdul Aziz Shah Airport, Lapangan Terbang Sultan Abdul Shah, Subang, Selangor, peluang pekerjaan adalah 6. Bagi Global Turbine Asia Sdn. Bhd, produknya adalah *design development and manufacturing of tooling and parts for aircraft* lokasinya juga di Sultan Abdul Aziz Shah Airport dan peluang pekerjaan adalah 10. Sehingga ini Invest Selangor masih belum menerima sebarang cadangan pemajuan secara rasmi untuk membangunkan kawasan lapang terbang di Hulu Bernam untuk dikemukakan kepada pihak Kerajaan Negeri bagi pertimbangan dan kelulusan pembangunan.

**TUAN SPEAKER** : Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN** : Tuan Speaker, soalan nombor 52.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PPR LEMBAH SUBANG**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan Kerajaan Selangor untuk bantu PPR?
- b) Apakah masalah sebenar yang menyebabkan Kerajaan Negeri perlu mengeluarkan peruntukan ini dan sejauh manakah kerajaan pusat membantu untuk menyelesaikan masalah ini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat makluman kepada Yang Berhormat dan dewan sekalian. Majlis Bandar raya Petaling jaya telah mengeluarkan perbelanjaan berjumlah RM50,259,661.68 dalam menguruskan PPR Lembah Subang 1 sejak tahun 2002 sehingga September 2016. Soalan yang kedua adalah kenapa Kerajaan Negeri perlu mengeluarkan peruntukan tersebut. Ingin saya nyatakan di sini apabila sebuah bangunan itu diserahkan maka ia perlu dilakukan kerja-kerja baik pulih sepanjang hayat kepada bangunan tersebut. Dan juga perlu dilakukan juga penyelenggaraan. Jadi tidak benar ada pihak yang menyatakan apabila diserahkan PPR itu kita hanya pungut sewa sahaja dan boleh mendapat keuntungan. Tetapi kita perlu menyelenggarakan dan perlu kita membaik pulih bangunan tersebut. Untuk soalan tentang berapa banyak dana yang telah diturunkan oleh Kerajaan Pusat untuk membaik pulih bangunan itu yang hanya diturunkan sebanyak RM20 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) pada tahun 2009 bagi kerja-kerja seperti berikut:- iaitu pembaikan lif, pembaikan unit kosong, pembaikan peralatan mekanikal dan *elektrikal*, penyediaan pagar bagi keseluruhan kawasan PPR mengikut Fasa, mengecat semua blok PR dan kerja-kerja infrastruktur. Yang terkini adalah pada tahun 2012 ini daripada Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012 Kerajaan Negeri melalui MPPJ telah membaik pulih 17 lif dengan kos RM1.9 juta dan 16 pam termasuk satu pam baru sebanyak RM1.9 juta, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker, soalan nombor 53.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: HIJRAH**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah penggunaan kewangan yang telah digunakan dari peruntukan RM100 juta tahun 2016? Nyatakan mengikut pecahan pengurusan dan pembiayaan?
- b) Nyatakan pencapaian bayaran balik pinjaman untuk tahun 2015 dan 2016?
- c) Berapakah bilangan peserta yang terlibat dalam program ini bagi tahun 2015 dan 2016?

**TUAN SPEAKER** : Ada sesiapa pihak kerajaan nak jawab bagi pihak Batu Caves. Soalan 53 yang telah dibangkitkan oleh Batu Tiga? Ya Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Batu Tiga atas soalan yang telah dikemukakan. Sebenarnya sebahagiannya saya telah jawab ketika penggulungan yang lalu namun di sini saya ingin kemukakan berdasarkan kepada fakta yang telah dikeluarkan. Daripada 100 % penggunaan peruntukan bagi HIJRAH 92.25 % bersamaan dengan RM144,780,600 digunakan untuk pinjaman kepada usahawan-usahawan itu HIJRAH 92.25 %. Selebihnya digunakan untuk perbelanjaan operasi. C untuk gaji dan pentadbiran sebanyak 7.35 %, pengubahsuaian pejabat 0.12 %, komputer dan peralatan 0.28 % mana kala untuk lain-lain penggunaan seperti deposit, sewa pejabat dan utiliti sebanyak 0.15 % merangkumi sejumlah RM156,639,575.2 atau pun 20 sen. Pinjaman yang dikeluarkan RM144 juta berbanding dengan apa yang kita perolehi awal RM100 juta kerana kita mampu mengutip balik dan hasil kutipan itu dikembalikan kepada peminjam-peminjam yang baru ataupun peminjam-peminjam yang membuat pinjaman kali kedua dan ketiga dan juga kali keempat. Bagi jawapan B rekod menunjukkan sehingga Oktober 2016 sebanyak 83.58 % merupakan kadar yang ditunjukkan pada bayaran-bayaran yang dibuat maknanya kita mampu mengutip balik pada kadar 83.58 %. Peserta yang telah dicatatkan sehingga Oktober 2016 ini yang saya sebutkan ketika penggulungan yang lepas daripada jumlah bilangan orang kita telah memberikan pinjaman sejumlah 25,562 orang namun dari segi bilangan pinjaman kita membuat pinjaman, kita telah menyerahkan pinjaman untuk pada kadar 28,036 orang. Maknanya dari 28,000 ini ada yang membuat pinjaman kali kedua, ketiga sebab itu jumlahnya menjadi 28,036 orang dan sejumlah RM144,746,00 ratus ribu jumlah pinjaman daripada nilai ringgit yang telah kita keluarkan, terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, saya ucapkan tahniahlah sebab ada kutipan yang baik walaupun kita lihat agak merosot tahun ini dibandingkan tahun lepas yang dinyatakan sebanyak 98 %. Soalan, walau bagaimanapun tahun ini saya mendapat banyak aduan daripada peserta kita di pusat khidmat saya tentang cara kutipan yang kadang-kadang kurang adanya, saya mohon lebih bertolak ansur bukan dalam bentuk paksaan. Jadi soalan saya bagaimanakah kaedah kutipan sebenar dilakukan dan apakah ianya dibuat oleh *in house* ataupun orang ketiga untuk membuat kutipan-kutipan yang sewajarnya untuk program HIJRAH ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih Batu Tiga atas keprihatinan beliau memang kita melantik ahli-ahli ataupun petugas-petugas HIJRAH di setiap daerah. Jadi setiap daerah kita mempunyai wakil-wakil kita dan wakil-wakil ini akan bertindak untuk mencari dan mengenal pasti, mengetuk pintu dan mengenal pasti mereka-mereka peminjam ini supaya dapat membayar balik. Jadi mungkin mereka berbincang, lepas berbincang ada teknik tertentu tetapi setakat ini kita menggunakan *inhouse* dengan izin petugas-petugas ini yang digaji oleh HIJRAH yang ditugaskan oleh setiap daerah malahan kita mempunyai fakta-fakta setiap daerah, berapa ramai yang membayar, berapa ramai yang meminjam berdasarkan daripada tugas yang mereka laksanakan ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin minta penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pinjaman HIJRAH ini tahniahlah kerana kita sediakan pinjaman seperti ini. Bolehkah Yang Berhormat bagi tahu bahawa perkhidmatan itu faedah ataupun bunga ataupun cas perkhidmatan berapa peratus jika dibandingkan dengan ALONG dan seterusnya selepas adanya HIJRAH ini peranan ALONG adalah ianya sudah berkurangan dalam konteks ini kerana kita dah bagi tolong, terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHAR :** Kita ada sedikit cas perkhidmatan namun cas perkhidmatan itu agak rendah sekitar 3 ke-4 % peringkat awal namun begitu kita sedang menilai balik untuk memastikan pulangan-pulangan itu dapat dikembalikan balik. Kita nak pastikan kutipan cas itu sebab bukan apa sebab untuk memastikan mereka membayar mengikut masa dan mereka tidak tertangguh lama terhadap kos yang telah diberikan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, saya minta sedikit penjelasan lagi sebab jawapan EXCO itu tadi 3 atau 4, kalau 3 campur 4 jumlah 7, saya nak kepastian 3 atau 4 yang mana, terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Saya sedang dapat kepastian nanti saya berikan secara bertulis ya, setakat ini yang kita dapatkan memang ada cas sedikit

yang dikenakan untuk memastikan bayaran dia balik. Namun begitu bergantung pada, melihat kepada kos, melihat kepada jumlah bayaran balik dan peratusan bayaran balik saya rasa ia tidak membebankan kerana pada waktu ini kelihatannya kadar bayaran baliknya masih lagi tinggi dan tidak ada nilai tertunggak, terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan ini mungkin boleh dibekalkan dengan jawapan bertulis, boleh saya tahu pecahan peminjam mengikut pecahan kaum dan juga termasuk juga orang asli sebab saya difahamkan respon dari kaum tertentu amat menggalakkan tetapi seumpamanya dalam komuniti Cina. Saya juga difahamkan jumlah peminjam tidak begitu ramai jadi mungkin EXCO boleh jelaskan apa puncanya dan macam mana langkah-langkah kita nak galakkan lebih ramai orang untuk terlibat.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Soalan yang agak spesifik saya mohon notis dan saya akan mengemukakan dalam secara bertulis.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih, soalan nombor 54.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK: KOMPLEKS ISLAM DAERAH**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang membina Kompleks Islam di kesemua daerah di Selangor?
- b) Apakah komponen dan pengisian utama sesuatu Kompleks Islam Daerah?
- c) Berapakah perbelanjaan yang diperuntukkan bagi pembinaan tersebut?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : *Assalamualaikum, Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Speaker Hulu Kelang bertanya berkaitan dengan Kompleks Islam Daerah mengikut perancangan jangka masa panjang dan keperluan daerah kerajaan negeri merancang untuk membina Kompleks Islam



Daerah di semua daerah dan pembinaan sebuah Kompleks Islam Daerah bertujuan untuk mewujudkan pusat setempat di daerah bagi pengurusan Hal Ehwal Agama Islam. Ia merangkumi kompenian Pejabat Agama Islam Daerah, Majlis Agama Islam Selangor dan Lembaga Zakat Selangor. Pengisian bagi kompenian ini merangkumi pengurusan dan aktiviti di peringkat daerah termasuk pengurusan pendaftaran perkahwinan, pengurusan sekolah yang berada di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, pengurusan masjid, surau, menerima aduan dan pengurusan yang lain yang melibatkan Hal Ehwal Agama Islam yang di peringkat daerah. Anggaran kos bagi pembinaan Islam di setiap daerah adalah berjumlah RM30,000,000.00 sahaja, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Dari segi pengisian pada program itu adakah Astro Fed dan Kosmo Fed, ilmu falak akan dijadikan kompenian utama dalam sebuah seminar yang telah dianjurkan oleh JAIS seperti yang ditonjolkan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Saya kira kita akan melihat daripada masa ke semasa mengikut keperluan walaupun pada masa ini ilmu-ilmu itu adalah di bawah Jabatan Mufti yang mana di peringkat berkaitan dengan ilmu falak juga kita ada program-program yang kita adakan di peringkat daerah dan ada juga persatuan-persatuan dari ilmu falak yang diwujudkan di peringkat daerah dan sekiranya ada keperluan maka akan diwujudkan sebagai satu pengisian Kompleks Islam di peringkat daerah ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jeram.

**Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 55.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK: BERNIAGA DI BAHU JALAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan Kerajaan Negeri kepada berniaga di bahu jalan di Selangor?

- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menyediakan lokasi perniagaan yang lebih selamat dan selesa?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Jeram, Kerajaan Negeri melalui PBT tidak membenarkan peniaga menjalankan aktiviti perniagaan di simpang jalan, tempat letak kereta, jalan persiaran, hadapan sekolah dan lorong belakang. Walau bagaimanapun, aktiviti perniagaan di bahu jalan boleh dipertimbangkan sekiranya tidak menghalang lalu lintas, laluan awam serta tidak membahayakan kepada peniaga dan orang awam di lokasi yang dipohon. Peniaga-peniaga di bahu-bahu jalan diberikan kelulusan secara permit dengan syarat-syarat berikut :

1. Lokasi perniagaan perlu 40 meter dari pagar sekolah, 9 meter daripada persimpangan jalan dan 3.6 meter daripada pili bomba;
2. Lokasi perniagaan bukan di jalan utama; dan
3. Penjualan secara bungkus dan tidak meninggalkan barangan perniagaan selepas tempoh perniagaan.

Bagi tujuan kawalan perniagaan dan perancangan yang lebih teratur, PBT telah menyediakan tapak-tapak penjaja di seluruh kawasan mengikut kesesuaian dan keperluan semasa, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Adakah kerajaan membenarkan untuk peniaga-peniaga kecil seperti jual nasi lemak, jual kuih pagi untuk tempoh sebentar sehingga pukul 9.00 pagi di bahu jalan. Adakah kerajaan membenarkan nampaknya ramai peniaga-peniaga yang jual nasi lemak, kuih muih di bahu jalan untuk di waktu pagi.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Kota Anggerik. Memang saya telah terangkan tadi bahawa PBT boleh membenarkan penjaja-penjaja kecil di bahu jalan yang tidak menghalang trafik dan sebagainya memang ada syarat-syarat yang kita tetapkan dan ikut kesesuaian pihak PBT-PBT dan juga kelulusan daripada Jawatankuasa Pelesenan di peringkat PBT.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada pihak EXCO tentang banyak juga gerai-gerai di Majlis Perbandaran khususnya Bandar raya Shah Alam, ya sebenarnya telah cantik dan molek disediakan diwujudkan tetapi gerai-gerai itu agak uzur bukan digerei tepi jalanlah maksud saya, bukan yang gerai di dalam itu. Yang agak uzur yang sebenarnya manfaatnya boleh diberikan kepada tiga kumpulan iaitu pagi orang lain, tengah hari orang lain, petang orang lain malam pun boleh pihak lain boleh berniaga, itu boleh menggalakkan banyak pihak berniaga. Jadi soalan saya apakah status kalau boleh dibekalkan kemudian, kalau tak ada sekarang, status pembaikan gerai-gerai tepi jalan ini, sebab kita tidak mahu juga alasan diberikan lesen tidak dikeluarkan sebab tak ada tempat. Sedangkan gerai-gerai sedia ada tidak di baik pulih dan diberikan kepada mereka yang memohon, sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker ini soalan ini terlalu spesifik. Saya akan minta MBSA bekalkan ya, soalan secara bertulis kepada Yang Berhormat tapi kalau boleh Yang Berhormat beri lokasi yang disebutkan tadi.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya akan bekalkan kepada pihak EXCO, terima kasih.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Adakah Kerajaan Negeri mengambil kira menjaga dari aspek kebersihan kepada mereka-mereka yang berniaga di bahu-bahu jalan ini sebab ini amat penting dan saya lihat ramai juga anak-anak dara meniaga di bahu jalan terutamanya berniaga selain berniaga daripada nasi lemak, berniaga kuih pun ada ramai.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Saya tak pastilah adakah kebanyakannya anak dara tapi itu kena tanya Kota Damansaralah ya bukan tanya Menteri Besar. Tapi syaratnya ....

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tak faham saya kata ramai terutama di Kota Damansara, datanglah Menteri Besar.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Pantun tak ada. Tapi salah satu syarat untuk kita meluluskan lesen adalah penjaja tersebut perlu memastikan kawasan yang di jaja itu adalah bersih selepas mereka tutupkan gerai mereka, itu yang salah satu syarat. Kalau penjaja itu tidak mengikut syarat kita mungkin akan *cancel* kan ya, lesen tersebut dengan izin.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker soalan saya No. 56.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : SYARIKAT PENGELUARAN AIR SELANGOR (SPLASH)**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini pembelian syarikat SPLASH?
- b) Apakah kaedah yang digunakan untuk menentukan nilai belian?
- c) Bagaimanakah kaedah pembayaran?

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Yang Berhormat Tuan Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang pada pagi ini telah pun dibangkitkan dalam perbahasan tempoh hari dan bagi pihak kerajaan negeri saya telah pun memberikan penjelasan yang panjang lebar dalam sesi penggulungan semalam. Dan dalam sesi penggulungan itu juga Yang Berhormat Permatang telah mengambil bahagian untuk mencelah dan memohon penjelasan. Maka saya pohon izin daripada Yang Berhormat Tuan Speaker supaya penjelasan yang diberikan oleh kerajaan negeri petang semalam digunakan sebagai sebahagian daripada jawapan Yang Berhormat Permatang pada pagi ini. ***(Sila rujuk Hansard 03 November 2016 – Teks penggulungan Y.A.B. Dato' Menteri Besar).***

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya terima Yang Berhormat Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Saya benarkan Yang Berhormat. Soalan 57 telah dijawab bersekali dengan soalan 23. Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 58.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bolehkah peruntukan RM30,000.00 yang diperuntukkan kepada setiap DUN dikelolakan oleh Penyelia PWB bagi memudahkan program berjalan dengan pantas?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Seri Serdang, Tuan Speaker kerajaan negeri memandang serius dengan agenda Program Pembudayaan Wanita di Selangor. Sehubungan itu, Pusat Wanita Berdaya merupakan satu badan yang bertindak sebagai agen penghubung kerajaan negeri dengan masyarakat akar umbi terutamanya wanita dalam melaksanakan program-program pembudayaan wanita tersebut. Maka Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,680,000 setahun untuk disalurkan kepada Pusat Wanita Berdaya Selangor bagi melaksanakan program-program pembudayaan wanita. Dengan jumlah tersebut setiap Pusat Wanita Berdaya DUN masing-masing mendapat agihan sebanyak RM30,000.00 dan telah disalurkan sepenuhnya kepada setiap PWB DUN tersebut bagi menjalankan program-program pembudayaan wanita berskala kecil dalam bentuk program berstruktur dan program yang tidak berstruktur mengikut keperluan wanita di DUN masing-masing. Namun demikian peruntukan sebanyak RM30,000.00 tersebut adalah di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah dan para penyelia boleh menuntut bayaran pelaksanaan program dengan menggunakan kaedah bayaran balik ke Pejabat Daerah dan Tanah yang masing-masing sebagaimana garis panduan yang telah diberikan dalam manual prosedur operasi PWB Selangor. Saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat Seri Serdang bagi memudahkan program-program PWB berjalan dengan lancar dan pantas. Cadangan tersebut akan diambil maklum dan diberi perhatian dalam usaha penambahbaikan akan datang sekiranya perlu.

Namun demikian buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengguna pakai kaedah sedia ada bagi melaksanakan program-program PWB DUN Selangor dalam membantu dan menyantuni golongan wanita untuk menjana pendapatan mereka dengan memberi ilmu yang bermanfaat seperti kelas-kelas jahitan, kelas masakan, kraf tangan dan lain-lain, terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Terima kasih EXCO, saya hendak minta EXCO adakah program yang katakan manual prosedur PWB ini dalam program prosedur ini masuk untuk bayar SOCSO untuk wanita-wanita PWB yang kerja di dalam pejabat-pejabat Adun. Sebab selalu dipanggil untuk pergi sana, pergi sini datang sana, datang sini, mereka kena guna pakai kenderaan yang sendiri dan sebagainya. Kalau boleh bayar SOCSO sikit sebagai satu *security* untuk mereka saya ingat lebih baik, so saya minta EXCO mencadangkan kepada Menteri

Besar dan juga MMKN untuk masukkan pembayaran SOCSO untuk pekerja-pekerja kita di dalam DUN, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Andalas. Tuan Speaker saya kira itu adalah satu cadangan penambahbaikan untuk para penyelia PWB kita. Jadi saya mengambil maklum tentang perkara tersebut untuk di ketengahkan kepada pihak kerajaan negeri, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Ya saya ingin bertanya kepada EXCO ....

**TUAN SPEAKER** : Maaf Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Hulu Bernam .....

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya ingin bertanya kepada EXCO apakah kejayaan yang telah dicapai oleh PWB di setiap DUN.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Hulu Bernam. Soalan tersebut agak spesifik saya boleh berikan secara bertulis atau pun soalan untuk sidang DUN yang akan datang mungkin saya boleh jawab dengan lebih spesifik lagi, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR** : Saya minta soalan bertulis, jawapan bertulis ya, maaf jawapan bertulis.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Kita akan kemukakan jawapan tersebut, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan saya soalan No. 59.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PROGRAM INSAN DI BAWAH EXCO PENDIDIKAN**

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa banyak Program INSAN yang telah dilaksanakan pada tahun 2016?
- b) Berapa ramai peserta yang telah mengikuti Program INSAN tahun 2016?
- c) Berapa kos keseluruhan Program INSAN di sepanjang tahun 2016?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, jawapan bagi bahagian a, Program INSAN salah satu platform kerajaan negeri bagi melaksanakan Dasar Bina INSAN yang bertujuan untuk melahirkan rakyat yang berkualiti. Oleh itu, kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan bermula bulan Januari hingga Oktober 2016 telah berjaya melaksanakan sebanyak 138 buah program. Bagi bahagian b, peserta yang telah mengikut Program INSAN ini bermula Januari sehingga 19 Oktober 2016 ialah seramai 6,088 orang melibatkan kategori peserta seperti remaja, belia, pelajar IPT, warga pendidik, penjawat awam, pimpinan masyarakat, keluarga, Skwad INSAN, Briged Wanita dan Komuniti. Bagi jawapan c, anggaran kos keseluruhan untuk pelaksanaan Program INSAN untuk tahun 2016 bermula Januari sehingga 19 Oktober 2016 adalah berjumlah RM2,605,148.49.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Program-program INSAN ini dia program pendek? Dia proses pendidikan dalam masa yang panjang, jadi apakah rancangan supaya Program INSAN ini lebih berkesan kepada peserta-peserta yang mengikuti Program INSAN ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Antara pendekatan yang kita ambil ialah untuk memastikan bahawa kita bukan memanggil peserta ini untuk datang sekali sahaja kepada program tetapi kita memanggil mereka datang secara berterusan agar kita dapat memberi impak yang lebih besar kepada pembangunan modal insan mereka.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Soalan tambahan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Bolehkah pihak kerajaan menggunakan yang sudah ada iaitu KPMI (Koordinator Pembangunan Modal Insan) yang juga di bawah EXCO yang sama untuk memastikan semua DUN mendapatkan manfaat daripada program ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih itu satu cadangan yang baik dan kita akan mengkaji cadangan tersebut.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Seri Serdang ingin bertanya kepada EXCO dalam 138 program yang dijalankan pada tahun 2016, nak sentuh berkenaan dengan INSAN Pendidik, adakah INSAN Pendidik ini diambil daripada tenaga pengajar sekolah-sekolah kerajaan atau pun sekolah-sekolah swasta.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Pesertanya kita gabungkan ada peserta daripada sekolah-sekolah KAFA, ada peserta daripada Sekolah Agama Rakyat dan juga sekolah-sekolah persendirian.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 60 telah dijawab bersekali dengan soalan 37. Balakong tidak hadir. Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ** : Terima kasih Tuan Speaker, soalan No. 62.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENCEGAHAN MAKSIAT**

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Gejala sosial semakin parah, selain daripada meningkatkan pencegahan maksiat, apakah bentuk tindakan yang akan dilaksanakan bagi menangani gejala tersebut.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Lembah Jaya bertanyakan berkaitan dengan pencegahan maksiat. Gejala sosial yang semakin parah di Negeri Selangor. Tuan Speaker pendekatan yang digunakan untuk menangani gejala sosial ialah melalui Amar Maaruf dan Nahi Mungkar iaitu menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Dalam melaksanakan Amar Maaruf, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Selangor melaksanakan 117 program dakwah yang berbeza sepanjang tahun. Ini tidak termasuk peranan yang dimainkan oleh institusi masjid melalui Khutbah Jumaat yang diselaraskan ianya di peringkat negeri dan kursus pra-



perkahwinan yang diwajibkan kepada pemohon nikah. Begitu juga penjelasan-penjelasan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Pada hari ini, boleh dikatakan aspek ini dilaksanakan melalui pelbagai medium. Contohnya, melalui program televisyen seperti Akademi Pendakwah Muslimat, slot-slot di radio, penjelasan menerusi laman web, *Youtube*, *Facebook* dan sebagainya.

Manakala dari aspek Nahi Mungkar, aspek penguatkuasaannya dilaksanakan oleh JAIS manakala penghakimannya dibuat oleh JAKESS. Walau bagaimanapun, aspek ini memerlukan kerjasama yang sangat tinggi daripada orang awam. Hotline 24 jam Penguatkuasaan JAIS sentiasa bersedia untuk menerima aduan awam dengan syarat aduan adalah bertanggungjawab dan melepasi keperluan yang ditentukan di bawah Seksyen 54 dan Seksyen 57 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 2003. Hotline 1800 88 2424 ini sekarang diperkukuhkan lagi dengan adanya aplikasi AMAR yang dilancarkan baru-baru ini. Orang awam boleh memuat turun aplikasi ini secara percuma dari *apps store* telefon bimbit masing-masing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, aspek Nahi Mungkar ini bertujuan menjaga kerukunan keluarga dan kehidupan bermasyarakat, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jam telah menunjukkan pukul 11.00 maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. RANG UNDANG-UNDANG**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 semua peringkat.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan Di bawah Peraturan Tetap 66(3) untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Jadual B1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. RM 137,679,581.00.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah saya bagi 10 minit seorang ADUN sahaja dan sila bangun berikan muka surat dan juga kod untuk B1. Tak ada orang nak bahas?.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Ya Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Saya merujuk pada muka surat 43. B01 50500 Pentadbiran dan Kewangan Kerajaan Tempatan. Tuan Speaker, ada dua perkara saya nak bawa pada soalan dewan yang saya tanya ialah berapa jumlah gerai-gerai dan kedai tidak berlesen di kawasan PBT. Saya rasa ada sebahagian PBT tidak benar dalam memberi jawapan ini. Contohnya MBSA memberitahu tiada gerai.

**TUAN SPEAKER** : Maaf Kota Anggerik boleh ulang sekali lagi kod dan muka surat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : B01 muka surat 43.

**TUAN SPEAKER** : Kod?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Muka surat 43. Kod ialah 29000.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker, ada perkara saya nak bawa di sini ada soalan Dewan saya tanya ialah berapa jumlah gerai-gerai dan tidak berlesen didapati di kawasan PBT. Saya rasa ada jawapan yang diberikan oleh PBT tidak benar contohnya MBSA tiada gerai tidak berlesen di kawasan MBSA. Keduanya saya nak bawa ialah apa yang dibawa. Saya nak bagi tahu bahawa ada jawapan yang diberi PBT tidak benar dalam jawapan soalan dewan saya. Mengatakan bahawa kosong dan tidak ada gerai tidak berlesen di kawasan PBT. Betul ke tiada gerai tidak berlesen di kawasan PBT.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, ini untuk bajet perbincangan perbekalan. Apa matlamat Kota Anggerik untuk membangkitkan jawapan tidak tepat.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Supaya EXCO sila semak jawapan. Keduanya ialah dalam ucapan Dato' Menteri Besar supaya mengindahkan tasik Shah Alam. Jadi dah berkali saya bangkitkan supaya pengindahan tasik Shah Alam dibuat. Shah Alam ialah ibu Negeri Selangor dan Kota Anggerik adalah kota bagi Negeri Selangor. Ada 3 mercu tanda yang terdapat di Shah Alam pertamanya ialah

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, perbincangan haruslah menjurus kepada pengurusan. Bukan projek spesifik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Saya sebut ialah kerana saya telah *go through* habis buku ini yang ada PBT Cuma ini sahaja. Dalam P sikit sangat. Saya

Cuma nak nyatakan bahawa supaya MBSA merujuk balik ambil inisiatif atas ucapan besar berkaitan menambah baik tasik Shah Alam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ada lagi ADN. Ia Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Pengerusi. Merujuk kepada muka surat 42 dan 43 B01 di bawah Kod Objek 29000 saya perhatikan ada 39 jawatankuasa tetap dan mungkin pada pagi ini saya ingin mencadangkan pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bahawa beberapa daripada jawatankuasa tetap ini hampir sama dan mungkin boleh digabungkan. Saya bagi contoh Teknologi Hijau dan Sains Teknologi dan Inovasi dua jawatankuasa berbeza tapi hampir sama. Satu lagi antara kebajikan dan kemiskinan hampir sama dan mungkin boleh digabungkan supaya lebih efisien. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa nak jawab dulu ye?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Cadangan itu kita akan semak supaya mana-mana jawatankuasa yang boleh digabungkan kita akan pertimbangkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Pengerusi. Saya ingin membangkitkan isu berkaitan muka surat 47. Butiran 563000 Bahagian Korporat Kod Projek 29000 iaitu Bahagian Korporat. Saya ingin menimbulkan di sini apakah fungsi yang dimainkan oleh Korporat SUK sebab memandangkan kita lihat alhamdulillah Selangor telah memberi banyak program-program yang baik yang begitu prihatin rakyat dan peduli rakyat tetapi kita lihat bahagian Korporat ini saya tak pasti apa peranan untuk membantu kerajaan untuk memastikan penerangan, penjelasan program-program ini sampai di lapangan. Jadi saya nampak fungsi Korporat ini ditingkatkan dan salah satu program yang saya ingin cadangkan ialah kerap turun ke padang bertemu pelanggan. Jadi program-program ini dibuat atau dihoskan oleh pihak Korporat SUK atau Korporat Daerah-daerah supaya ia dapat memberikan penjelasan kepada semua rakyat Selangor untuk memastikan bahawa mereka dapat manfaat ini yang telah dilaksanakan. Tahun depan kita kan bertambah lagi program yang ada tetapi malangnya kadangkala kita lihat ia tidak sampai kepada rakyat. Satu contoh yang saya buat atau saya telah lakukan di Batu Tiga kita buat program layar rakyat di mana setiap kali pasar malam kita buka *booth* dan kita nampak sambutan amat baik. Tapi saya harap sebenarnya fungsi ataupun peranan korporat boleh ditingkatkan supaya ia dapat dimainkan sebaik mungkin untuk membantu kerajaan kita sekarang untuk memastikan program ini dapat sampai ke akar umbi itu saja makluman yang ingin saya tanya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Ya terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada muka surat 43. Butiran program 505000 untuk jawatankuasa tetap Kod 29000. Saya ingin bertanya sama ada sebab kita nampak sekarang di bawah teras Smart Selangor kita juga nampak dengan Belanjawan 2017 yang akan bertambah sama ada pihak kerajaan negeri juga ada membuat kajian untuk jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Yang Berhormat EXCO diperkasakan seperti apa yang dibuat di Sarawak dengan nisbah kerja dan petugas yang mencukupi untuk melaksanakan program-program yang kita telah ditambahkan ini. Jadi ini saya juga ingin merujuk kepada perkara muka surat 44 Butiran program 552000 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Ini juga balik kepada soalan yang sama maksudnya dengan program yang begitu banyak dan juga peruntukan yang begitu banyak yang kita tambahkan di 52.2% untuk pembangunan sama ada kita ada kajian laporan tentang prestasi sistem penyampaian kita maksudnya dengan peruntukan tambahan yang begitu banyak jangka masa yang kita sampaikan dan siapkan kerja supaya peruntukan yang kita bagikan dalam satu tahun itu tidak hanya dilaksanakan pada akhir tahun dengan tergesa-gesa diturunkan dan dibawa ke tahun depan untuk dilaksanakan. Itu yang saya minta supaya kalau boleh dibuat satu kajian tentang sistem penyampaian kita sama ada telah dinaikkan keefisienannya untuk kita sampaikan peruntukan yang dah diberikan. Itu sahaja.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada muka surat 43 Butiran Program 55000 Pentadbiran dan Kewangan Kod Objek 29000 Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Dibeli serta Hospitaliti di bawah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan. Saya ingin merujuk kepada berkenaan dengan perkhidmatan ikhtisas dan kita ambil maklum saban hari Kerajaan tempatan telah pun mempertingkatkan menaikkan peruntukan pembangunan masing-masing dan pada masa yang sama saya juga beranggapan bahawa juga penting Kerajaan Tempatan mengambil sikap yang berjimat cermat dan salah satu perkara yang saya rasa perlu diberi perhatian ialah perbelanjaan iaitu bagaimana kita boleh mengurangkan perbelanjaan khususnya perbelanjaan ikhtisas dan hospitaliti. Kita selalu anggap dan salah faham ialah perbelanjaan yang sekiranya besar ia adalah punca daripada emolumen tapi kalau kita melihat perbelanjaan atau penyata kewangan yang telah diaudit tahun 2014 dan 2015 kita dapati bahawa perkhidmatan ikhtisas adalah sangat besar. Ada di antaranya mencapai sampai ke 44.6% daripada keseluruhan jumlah perbelanjaannya. Contohnya MPSJ, MBPJ pun lebih kurang sama 33% dan saya lihat adalah terdapat peluang untuk dikurangkan sedikit supaya perbelanjaan yang kita boleh jimatkan ini boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain seperti emolumen seperti elaun tambahan, pembangunan dan sebagainya. Ini yang pertama Tuan Speaker. Kedua saya lihat dan memerhati perbelanjaan perkhidmatan ikhtisas ini ada di antaranya sampai ke 44.6% daripada

keseluruhan perbelanjaan seperti MPSJ. Ada di antaranya hanya 2 atau 1% sahaja iaitu seperti di Klang, Selayang. Jadi saya kira ini adalah sesuatu yang kita perlu tengok semula mungkin PWN ataupun Bendahari Selangor perlu lihat sama ada terdapat ketidakseragaman dari segi pengkategorian perbelanjaan sehingga terdapat jurang yang begitu besar ada yang belanja 2 3 peratus ada yang belanja sampai 40 lebih peratus. Jadi saya memohon supaya perkara ini diberi perhatian. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Klang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 42 Butiran Program Aktiviti 505000 dan Kod Objek 20000 Perkhidmatan Ikhtisas Perkhidmatan Yang Dibeli. Terutamanya berkenaan dengan *STANDCO* Pelancongan di mana saya telah mendapat jawapan daripada pihak urus setia dewan yang menyatakan bahawa progresif tempat-tempat hutan lipur kawasan rekreasi di Hulu Selangor apabila saya tinjau jawapan itu saya pernah pergi ke tempat-tempat tersebut isunya lebih kurang sama dengan tempat yang ada di Kemensah di mana kampung Kemensah ini ada sungai yang sempit tapi menariknya ada air terjun dan tempat itu di datangi oleh setiap saban minggu, saban hujung minggu oleh peminat sukan lasak, *tracking* dan seumpamanya dan saya telah menyentuh semalam bahawa isu ATV telah selesai dan beres. *All terrain vehicle* yang amat digemari oleh penduduk antarabangsa dan banyak website yang dibuat oleh *independent group* telah dikemukakan. Jadi itu satu kejayaan yang telah dicapai oleh penduduk dan mereka yang menggerakkan aktiviti ATV di Kampung Kemensah. Isu yang saya timbulkan dari dulu lagi bagaimanakah kawasan rekreasi Sungai Kemensah boleh diputihkan boleh disahkan kerana tempatnya tidak ada bezanya dengan Sungai Congkak, Gunung Nuang sempit di tepi gigi air itu ada chalet tetapi lulus tapi tak tau apa kriteria digunakan tapi kalau tengok di Kemensah ini tidak boleh diluluskan kerana rizab sungai dan sebagainya. Jadi saya merayu di bawah *STANDCO* Pelancongan membaiki keadaan ini dan meninjau bagaimanakah boleh dilakukan satu proses yang boleh menjadikan pengusaha *operator chalet*, *paintball*, *wall game* dan berbagai-bagai lagi aktiviti lasak yang digemari.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak ingatkan isu pengurusan. Yang Hulu Klang bangkitkan saya rasa kepada pembangunan pelancongan. Yang boleh dibahaskan melalui usul pembangunan nanti. Ini kita nak isu pengurusan perbekalan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Dia melibatkan Pengurusan juga. Pengurusan kerana benda ni dah ada bagaimanakah satu proses untuk memutihkannya. Pemutihan. Saya kira ini merupakan satu proses yang sudah lama ditimbulkan di dalam Dewan. Saya tak tahu kat mana lagi saya nak bawa, penduduk pun memohon agar aktiviti yang mereka lakukan ini diputihkan, disahkan tapi yang mereka dapat notis menceroboh kawasan di sungai.

Yang keduanya saya ingin juga membawa *STANDCO* permohonan generasi muda sebagai satu urusan pengurusan yang ditingkatkan bagaimanakah boleh melahirkan menjana ahli-ahli sukan muda, anak muda yang lebih cemerlang kerana kalau kita lihat dalam Sukan Olimpik di Rio baru-baru ini ada peserta daripada kumpulan yang tidak ada negara dan mereka ini cemerlang dapat *gold medal*, jadi kita belum lagi dapat medal ataupun medal emas dan saya rasa perkara ini saya timbulkan dalam soalan iaitu bagaimana bolehkah diwujudkan penyelarasan di antara Majlis-majlis Sukan Negeri dan Majlis Sukan Negara yang boleh menjadikan ada satu ruang pembangunan sukan yang cemerlang ke arah boleh kita *identify* satu latihan, satu *training*, satu peruntukan yang boleh disalurkan nanti kepada pembinaan atlet muda yang boleh membawa medal emas pertama dari Tokyo pada tahun 2020. Jadi ini merupakan satu wawasan saya. Saya rasa sukan digemari oleh anak muda tetapi tidak ada penjurusan. Kalau lah *STANDCO* ini ada diuruskan penyelidikannya ke arah menyediakan seorang yang layak untuk masuk dalam Sukan Olimpik 2020 dia akan membawa satu kecemerlangan bagi nama Selangor dan negara kita Malaysia. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Ada lagi? Sekinchan?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tuan Pengerusi, saya ingin juga kerana turut serta dalam Perbahasan muka surat 42, Vot B1 50500 iaitu 100 - Emolomen di mana saya ingin beberapa perkara ingin saya bangkit berkenaan dengan satu berkaitan dengan kekurangan kita seperti apa yang dinyatakan dalam Belanjawan 2017 YAB Dato Menteri Besar bahawa kakitangan penjawat awam adalah tulang belakang, tulang belakang Kerajaan kita di mana jadi pasukan yang ada kakitangan kita bekerja kuat siang malam dan sebagainya tetapi apa yang saya nampak wujud satu masalah di mana di Pejabat Daerah dan Tanah banyak kekosongan, kekosongan di mana kakitangan tidak diisi sampai 6 bulan, ada yang setahun, jawatan M41 dan sebagainya. Jadi kalau kita punya kakitangan yang berkualiti tapi tidak diisi maknanya pihak Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Sumber Manusia tidak membawa, tidak mengisi atau daripada *federal* tidak diisi kita masih kekurangan kakitangan ini akan menjejaskan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya minta perkara ini harus diteliti supaya di Pejabat Tanah mana-mana pun di sembilan daerah ini boleh diisi sekurang-kurangnya dalam tempoh masa 3 bulan mesti diisi jangan sampai 6 bulan atau satu tahun.

Saya nampak perkara ini berulang kembali, berulang kembali, ini satu perkara yang hendak saya bangkitkan kemudiannya ingin juga saya bangkitkan perkara yang saya kira cukup penting ya di mana berkaitan dengan 2 kali sudah 2 kali 2014 dan 2015 bahawa semakan daripada elaun dan gaji Ahli-ahli Dewan sudah disemak sebelum ini dan disemak dalam konteks dan kemudian dalam Enakmen Pentadbiran Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri saya ingin bangkitkan Saraan 1980 di

mana pencen ataupun bayaran untuk semakan tersebut tidak dilibatkan kepada mantan-mantan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan, kod mana ni?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Gaji dan Upahan Ia dalam konteks ini saya nak selitkan sedikit. Izinkan sebab itu tidak dinyatakan sedangkan dalam Enakmen yang saya baca dalam Enakmen itu sendiri saya baca panjang lebar, dalam Enakmen Seksyen 20 bila-bila masa sahaja gaji dan Ahli disemak, gaji yang berasaskan diberi di bawah perenggan 2 atau pun pencen terbitan diberi di bawah perenggan 5, 6 dan 7 hendaklah diselaraskan dengan gaji tersemak itu hendaklah dihitung semula dengan sewajarnya.

Perenggan 2 yang berbunyi seperti berikut, Tuan Pengerusi pencen yang telah dihitung semula di bawah perenggan 1 hendaklah kena dibayar pada tarikh berkuatkuasa gaji tersemak itu. Maksudnya apabila ada semakan elaun dan gaji ADN, mantan EXCO mantan ADN ini harus dipanjangkan. Ini dalam Enakmen. Jadi ada 2 kali kita buat kesilapan. Saya ingin minta Kerajaan Negeri perbetulkan kesilapan ini demi kebajikan Ahli-ahli mantan ADN kita. Ini penting sebab kita berkhidmat untuk rakyat itu hak itu harus dipertahankan.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan, boleh saya betulkan Sekinchan. Pencen di bawah Tanggungan tidak boleh dibahaskan dan bukan di bawah B1 Pejabat Menteri Besar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Tak apa saya perbetulkan Ia. Saya terima, saya terima Ia, saya terima.

**Y.B. DATO' TENG' CHANG KHIM** : Tuan Speaker, mungkin Sekinchan ada alasan bagus juga. Beliau bukan membahaskan gaji atau jumlah atau bilangan, adalah permintaan beliau untuk pertimbangan Menteri Besar untuk melihat. Jadi saya kira mungkin berkaitan. Pandangan saya.

**TUAN SPEAKER** : Kalau macam itu semua perkara boleh dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bawah B1?

**Y.B. DATO' TENG' CHANG KHIM** : Ya, sebab itu lazimnya peringkat perbahasan untuk MB dan SUK tu panjang kerana ia melibatkan pentadbiran keseluruhannya.

**TUAN SPEAKER** : Terpulang kepada Bukit Antarabangsa. Saya rasa skop ini terlalu besar dan kalau di bawah Tanggungan memang tak wajar untuk dibahaskan. Sekinchan boleh teruskan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Teruskan. Tuan Pengerusi memang wujud pertikaian kalau daripada segi perbelanjaan bajet yang kita nak bahas ini Tanggungan tidak

boleh dibahas tapi dalam SUK dan MB ini bajetnya besar melibatkan pentadbiran Y.A.B. Dato' Menteri Besar jadi untuk keadilan menuntut keadilan saya rasa wajar kita boleh panjangkan sebab ia melibatkan Ahli-ahli dan mantan Dewan jadi ada kesilapan kerajaan lakukan kita tak boleh tegur sebab dalam pentadbiran ni ada pentadbiran dan kewangan skopnya. Jadi saya minta itu lah wajib dijawab bukan sahaja kena terima dan kena jawab kenapa ada dua kesilapan sebelum ini kita lakukan ya.

Dan seterusnya saya ingin ke Jawatankuasa 50500 di mana Jawatankuasa Tetap Pemutihan Kilang-kilang Haram. Saya nampak sekarang ni berlaku pencemaran di sini di sana, ada satu puncunya, salah satu adalah kilang haram wujudnya kilang haram yang tidak terkawal dan kita telah ada proses pemutihan sejak beberapa tahun yang lalu dan kita telah lanjut dan lanjut, sekarang sudah sampai masa kita nak minta Y.B. EXCO kena bagi *detail*, data-data berapa pencapaian kita, kita telah memutihkan berapa peratus sehingga kini supaya kita nampak usaha keras kerajaan sudah mencapai sasaran atau tidak. Ini cukup penting dan ini saya kata di Sekinchan ada satu kilang haram di *Site A*, kita dah panjangkan sampai hari ini tidak ada tindakan. Jadi kenapa? Ada pencemaran yang kita bau dan asap kita dah cakap dah beritahu, tak ada tindakan di *Site A*, ada satu sahaja. Jadi dalam konteks Jawatankuasa Pemutihan ini perlu diteliti ya supaya peratus pencapaiannya ada sasarannya. Berapa rakyat nak tahu, supaya nampak pihak pembangkang tak ada ruang untuk nak serang kerajaan kononnya kita tak serius dalam banteras memutihkan kilang-kilang tanpa izin ini.

Dan seterusnya saya ingin merujuk sedikit ya, menyentuh sedikit tentang Kerajaan Tempatan di mana saya nampak pengurusan di pihak PBT dan sebagainya masih ada yang saya lihat sikap dia dan keberkesanannya patut dipertingkatkan lagi. Ada, walaupun secara rambang memang bagus dari segi pengurusannya misal kata pengurusan perkhidmatan kepada rakyat di kaunter dan sebagainya, kaunter itu perlu *on time* jangan selalu kaunter itu kosong, ada juga kaunter-kaunter yang masih buka 5 kaunter tetapi 2 sahaja yang ada orang dan waktu tengah hari dan sebagainya dia nampak pengantiannya tidak tersusun. Saya minta waktu tengah hari sebab orang ramai rakyat di Selangor ni dia tahu Selangor maju, peneraju ekonomi Negeri Selangor mereka mengharapkan perkhidmatan yang baik cukup baik lebih cemerlang daripada kerajaan jadi kita permintaan itu kita perlu penuhi dengan selaras dengan aspirasi Selangor sebagai peneraju bagi semua aspek ekonomi, perkhidmatan dan sebagainya untuk Negeri Selangor ini.

Seterusnya saya nak menyentuh sedikit tentang adab Melayu, Jawatankuasa Adab Melayu dan Warisan. Ini sudah lama, Jawatankuasa ini sudah lama berapa tahun sudah ditubuhkan saya nampak tapi dalam usaha kita nak memupuk kebudayaan kepelbagaian dari segi warisannya saya nampak masih belum mencapai sasaran, masih belum mencapai sasaran, saya minta Jawatankuasa ini boleh mempergiatkan kempen-kempen, usaha dan program yang melibatkan kepelbagaian maksud saya



kepelbagaian ini selitkan pakar-pakar atau konsultan-konsultan atau individu yang mempunyai latar belakang yang berbeza bukan satu kelompok sahaja misalnya untuk warisan Islam, untuk adat Melayu dan untuk budaya Cina, untuk budaya India, kena ada orang khusus betul-betul orang itu diiktiraf dan mempunyai kaliber wibawa di masyarakat dipandang memang dia tahu tentang perkara ini bukan sahaja kita ambil sini sana tetapi kononnya banyak kelulusan ijazah tetapi orang ini tidak di *recognize*, diperakui atau diiktiraf oleh masyarakat. Jadi ini tidak membantu dalam kita mempelbagaikan budaya ke dalam Bajet Belanjawan 2017 di mana YAB Dato Menteri Besar tegaskan bahawa kepelbagaian budaya dan masyarakat majmuk di Negeri Selangor ini merupakan tunggak untuk pembangunan Negeri Selangor. Jadi saya minta Jawatankuasa Warisan Adat-adat Melayu ini kita pelbagaikan supaya kita nampak Selangor lain daripada yang lain. Ini lah antara sedikit yang ingin saya selitkan di sini supaya dapat diambil perhatian oleh YAB Dato' Menteri Besar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Saya bagi Sungai Air Tawar dahulu.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK** : Terima kasih kepada Speaker, kita merujuk kepada muka surat 43, Butiran Program Aktiviti 505000, Objek Kerajaan Tempatan 2900. Saya menjurus kepada Kerajaan Tempatan Sabak Bernam dan juga auditnya. Kita lihat perbezaan audit iaitu pada tahun 2015, kita defisit RM531,000 berbanding dengan 2014 kita dapat RM410,000 lebih kurang. Apa yang saya ingin nyatakan adalah tentang pengurusan di mana apabila pihak luar yang ingin menyewa bangunan dan sebagainya mendapat tentangan daripada pihak Kerajaan Tempatan dengan alasan hendak digunakan dan sebagainya tetapi apabila tiba masa yang dinyatakan kita lihat bangunan atau pun tempat sewaan ini tidak digunakan dan bangunan ini dibiarkan kosong. Saya harap untuk menambah lagi pendapatan Kerajaan Tempatan Sabak Bernam ini pada waktu-waktu yang tertentu bila ada penyewaan itu dibenarkan lah. Ya, kita sedia maklum Kerajaan Tempatan Sabak Bernam ini bukan lah dana yang besar, ya untuk menampung perbelanjaan khususnya, Majlis-majlis Tempatan lah untuk memberi perbelanjaan mereka seperti mana yang kita tahu bahawa pada mereka ini memerlukan perbelanjaan yang banyak ya untuk mentadbir Kerajaan Tempatan Sabak Bernam. Itu sahaja Tuan Speaker, terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada muka surat 52, kod 42000 Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang mendapat peruntukan sebanyak RM4.4 juta pada tahun 2017. Pada Selesa yang lepas Y.B. Bukit Lanjan telah menjawab bahawa LUAS mempunyai Anggota Penguat kuasa seramai..

**Y.B. DATO' TENG' CHANG KHIM** : Speaker, Tuan Speaker, saya rasa sudah masuk B2.

**TUAN SPEAKER** : Ya, Sungai Pinang. Ha, Kinrara, B1.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Maaf, salah muka surat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 42, 43, Vote B01 – Butiran 505000, Kod Objek RM29,000.00 iaitu di bawah Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti khususnya mengenai Pembangunan Kampung Baru dan juga seterusnya Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi.

Saya meminta kedua-dua Jawatankuasa Tetap ini melibatkan dan mengambil kira ADN tempatan, ADN setempat yang lebih memahami kawasan masing-masing. Sekiranya ada program di tempat itu, maka jemputlah ADN. Bagilah salam kepada ADN, janganlah pergi ke pulau tanpa menjemput ADN. ADN pun tak tahu, dengar daripada orang lain, tengok surat khabar.

Satu lagi tentang Kerajaan Tempatan. Kerajaan Tempatan ini saya mengharapkan, oleh kerana seperti yang saya sebut pada sidang DUN yang lepas di mana kita mengharapkan tahun 2017 ini, isu-isu sampah, isu-isu rakyat tempatan ini sepatutnya boleh diatasi pada tahun 2017. Jadi saya mengharapkan bukan sahaja kita mengadakan *Smart Technology, Apps* dan sebagainya. Bukan sahaja kita dah ada satu anak syarikat Kerajaan Negeri yang khusus untuk membantu menyelesaikan masalahnya tetapi saya mengharapkan juga di mana Jawatankuasa Tetap ini melihat. Kalau memang ada aduan yang begitu banyak daripada ADN, sudah tentulah kerana rakyat tidak berpuas hati, kerana masih lagi ada isu-isu pengurusan sampah yang tidak berkesan. Jadi saya mengharapkan pemantauan daripada EXCO itu sendiri dengan adanya mungkin jaringan yang terus kepada *grass root* supaya memang boleh melihatkan. Tidak perlu, rakyat dah *fed up* dah nak bagi aduan, nak bagi aduan, *re-active*. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Negeri mempunyai satu sistem yang pro-aktif, bukan sahaja *smart*. *Smart* adalah teknologi, kita mahu juga manusianya untuk mengenal pasti apakah ianya di dalam keadaan sudah terkawal atau masih lagi belum berkesan. Jadi saya mengharapkan daripada pihak-pihak EXCO untuk bersama-sama begitu dan saya mengharapkan juga Jawatankuasa Tetap *Tourism* juga melibatkan ADN tempatan supaya kita boleh memberikan *input*. Apakah yang berpotensi, apa yang tidak dikenali lagi kerana ADN setempatlah yang lebih mengetahui. Apa yang mungkin ada tapi memerlukan

bantuan sama ada kewangan, sama ada kemahiran, ilmu dan juga *marketing* atau pun pemasaran daripada pihak Kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih, Tuan Pengerusi. Teratai merujuk kepada muka surat yang ke-42, Butiran 505000, Kod 28000. Teratai mendapati bahawa ada satu *one-off* yang mana terdapat peningkatan bajet lebih kurang 50%. Teratai ingin nak tanya berkenaan dengan asas penambahan ini sama ada penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang ini adalah daripada melalui syarikat ketiga atau pun syarikat luar atau pun dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai sendiri di dalam Kerajaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, sekarang saya jemput pihak Kerajaan untuk memberi maklum balas. Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tuan Speaker, berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Tiga tentang peranan Bahagian Korporat. Pada ketika ini antara fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Bahagian Korporat ialah untuk menyelaraskan aduan awam, pengurusan khidmat pelanggan, pelaksanaan Program Pembudayaan Inovasi dan juga Komunikasi termasuk Program Turun Padang Bertemu Pelanggan yang disasarkan 12 kali setahun dan ia juga meliputi semua daerah dan dengan kerjasama PBT. Selain daripada itu, Bahagian Korporat juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan maklumat tentang dasar-dasar dan program Kerajaan Negeri melalui pelbagai bentuk medium termasuk menggunakan sosial media. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum tentang keperluan untuk kita memperkasakan lagi peranan Bahagian Korporat selaras dengan kemajuan dan program-program yang begitu banyak, yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Rawang ada membangkitkan tentang bagaimana kita dapat mengukur kejayaan sistem penyampaian dengan gagasan *Smart Selangor* ini. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah pun mengambil tindakan yang pro-aktif dengan membentuk *Smart Selangor Delivery Unit* yang bertujuan untuk memastikan sistem penyampaian itu dapat dipertingkatkan kerana itulah tujuan sebenarnya kita melancarkan gagasan *Smart Selangor* ini supaya sistem penyampaian kepada rakyat itu dapat dipertingkatkan. Sebagai contoh, antara langkah pertama yang diambil adalah dengan mewujudkan satu *Pilot Project* dalam pengurusan sisa pepejal di Klang dengan melantik KDEB *Waste Management Company* dan laporan yang kita terima, kerja-kerja pengurusan ini jauh lebih baik daripada sebelumnya dan aduan yang diterima juga jauh berkurangan.

Berhubung dengan maklumat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sekinchan, sebenarnya pengisian bagi jawatan-jawatan utama yang melibatkan Pegawai-pegawai PTD ini perlu dirujuk terlebih dahulu kepada JPA. Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian Sumber Manusia, SUK senantiasa berurusan dengan pihak JPA untuk mendapatkan kelulusan segera bagi memenuhi dan mengisi jawatan-jawatan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, mengikut maklumat awal daripada JPA, kekosongan ini bukan sahaja berlaku di Negeri Selangor tetapi juga di negeri-negeri yang lain dan juga di peringkat Persekutuan. Untuk mengatasi masalah ini, Bahagian Sumber Manusia telah mengambil langkah untuk jangka pendek dengan melantik Pegawai-pegawai secara kontrak.

Tentang perkara kedua yang dibangkitkan untuk menyemak kenaikan pencen bagi mantan EXCO dan ADN, perkara ini perlu disemak selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya nak memberi penjelasan tentang beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian. Apa yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik tentang jawapan soalan Dewan tentang banyak tempat, gerai-gerai dan kedai-kedai tidak berlesen dikendalikan oleh warga asing. Saya perlu semak balik tentang jawapan yang diberikan oleh MBSA dan saya akan beri satu lagi jawapan jikalau ada lagi perubahan.

Untuk makluman Kota Anggerik, tentang isu penambahbaikan Tasik Shah Alam. Untuk makluman, Yang Berhormat Kota Anggerik bahawa MBSA telah memperuntukkan satu peruntukan yang baru berjumlah RM4.8 juta untuk menaik tarafkan tasik tersebut dan dijangka selesai pada tahun 2017.

Saya juga mengambil maklum tentang cadangan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Kampung Tunku tadi tentang peruntukan Ikhtisas di peringkat PBT dan dasar Kerajaan Negeri, kita nak memastikan semua PBT memang melaksanakan program mereka dengan jimat cermat. Kita akan mengkaji tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku.

Tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan ada tiga (3) perkara. Satu tentang data jumlah kilang yang telah diputihkan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada 2,978 lot yang terlibat dalam program dan sebanyak 1,333 telah mengemukakan permohonan untuk diputihkan dan sebanyak 1,087 telah diputihkan. Ini kira satu keputusan yang baik tentang *progress* tersebut. Tentang sebuah kilang yang mencemarkan kawasan iaitu Syarikat Kisar Jati Sdn. Bhd. di Sekinchan Site A dan semalam saya telah bertemu dengan Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam dan saya telah memaklumkan kepada beliau supaya mengambil tindakan kepada syarikat tersebut.

Saya juga ambil maklum dan juga cadangan daripada Yang Berhormat Sekinchan tentang bagaimana kita nak menaiktaraf atau pun nak menambah baik tentang perkhidmatan atau pun pengurusan khususnya di kaunter PBT itu saya ambil maklum dan kita akan bincang isu ini di dalam Jawatankuasa Tetap nanti.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta sedikit penjelasan ya berkenaan dengan pemutihan kilang haram ini, tanpa izin di mana 1,333 permohonan dan 1,087 diluluskan. Berapa peratus itu, Yang Berhormat boleh berikan? Berapa peratus?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Lebih kurang 40% telah diputihkan, 40% ya, 40%.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Lebih kurang? Tak ada jawapan yang *satisfy*.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Yang *accurate* saya tak ada sekarang. Sabarlah.

Untuk isu yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar tentang beliau dapat aduan tentang ada mungkin pihak yang ingin menyewa Dewan di kawasan Sabak Bernam tetapi bila nak sewa kata tak ada tapi bila nampak ada orang guna dan sebagainya. Saya minta Sungai Air Tawar kalau bolehlah bagi kes yang benarlah, bagi fakta, jangan buat tuduhan di sinilah. Ini bukan tempatnya.

Selat Klang, saya ambil maklum tentang isu yang dibangkitkan oleh Selat Klang kerana beliau mengadu bila EXCO melawat ke Pulau Ketam tetapi tidak dijemput ADUN. Lain kali saya akan jemput Yang Berhormat sekali ya. Ok, itu yang saya ingin maklum kepada Dewan, sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya ingin menjawab satu soalan daripada Y.B. Sekinchan yang menyebutkan penglibatan kepelbagaian kaum yang ada di Negeri Selangor atau pun negara kita dalam memartabatkan hasrat Kerajaan Negeri untuk membangun bangsa yang memerlukan pakar-pakar budaya dan sejarah dalam kepelbagaian kaum di negara kita terutamanya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan yang saya kira diamanahkan untuk kita melihat tentang perkara ini. Untuk makluman, lantikan saya kira ia menjurus kepada pertanyaan berkaitan Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan. Untuk makluman, bahawa lantikan Ahli Lembaga Perbadanan Adat Melayu dan Warisan ini adalah lantikan yang mempunyai tempoh 2 tahun. Tempoh yang terakhir adalah Oktober 2015 sehingga Oktober 2017 yang mana secara kebiasaannya kita mendapat cadangan-cadangan sama ada daripada pelbagai pihak termasuklah daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri yang saya juga pernah

memaklumkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri sebelum ini untuk menghantar *resume-resume*, cadangan-cadangan yang akan dikemukakan kerana daripada segi prosedurnya kita perlu perkenan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan kemudian barulah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Untuk makluman, walaupun sebahagian besarnya sebelum ini kita juga melantik pakar-pakar atau pun budayawan daripada universiti-universiti tetapi kita juga melantik daripada mereka-mereka yang mempunyai kepakaran selain daripada universiti-universiti tersebut. Selain daripada itu juga saya melihat bahawa keterlibatan mereka juga perlu di dalam Jawatankuasa yang mana ahli-ahlinya juga terutama di dalam Jawatankuasa yang khusus melibatkan budaya sesuatu kaum. Jadi saya ingat untuk pelantikan Ahli Lembaga yang akan datang, yang pada kali ini yang akan tamat pada Oktober 2017, bolehlah dicadangkan kepada saya pada bila-bila masa. Sebaiknya dua (2) bulan sebelum tarikh tamat tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Tuan Speaker, Pengerusi dan juga Hulu Klang yang membangkitkan Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan dibangkitkan tentang program yang menyeluruh kepada kelahiran atlet yang baik dan cemerlang mencapai keputusan Olimpik. Suka saya maklumkan mulai Ogos Tahun 2016 kita telah mula melantik pegawai-pegawai untuk majlis sukan daerah. Satu orang pegawai bagi setiap daerah yang sebelum ini tidak ada kerana yang berkelulusan dalam bidang sains sukan. Kerana kita ingin memastikan bakat-bakat baru dapat dikesan di peringkat akar umbi dan ia melibatkan peruntukan sebanyak RM260 ribu untuk satu pegawai yang akan meneliti program pembangunan sukan. Satu yang akan melibatkan program pembangunan belia. Untuk makluman Hulu Kelang juga pada ketika ini kita telah bekerjasama rapat dengan Unit Prestasi Tinggi di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor dan Majlis Sukan Malaysia (MSM) dan Unit Sukan Prestasi Tinggi ini mempunyai 17 Sukan Teras ya dan kebanyakan 17 Sukan Teras ini akan dipertandingkan di Sukma di antaranya Olahraga dan berbagai-bagai program lain. Dengan adanya pelarasan ini dan dikuti dengan kewujudan pusat latihan daerah selepas ini yang akan dibentuk MSN kita percaya tugas Majlis Sukan ini melahirkan bakat-bakat baru dapat kita latih dan dapat kita pupuk dengan lebih baik dan seterusnya pada peringkat tertentu akan dilatih oleh pihak Majlis Sukan Negara untuk kelayakan mereka di peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Tuan Pengerusi soalan

**TUAN SPEAKER** : Silakan Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Soalan Teratai belum dijawab. Berkenaan dengan penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli. Asas Teratai membangkitkan

berkenaan ini adalah disebabkan dengan kita katakan kenaikan barang dan semua ini. Teratai bertanya berkenaan cara penyelenggaraan di peringkat kerajaan negeri yang mana salah satu masalah yang selalunya Teratai terima daripada penduduk adalah berkenaan papan tanda dalam bangunan SUK. Selalunya pada bila pelawat-pelawat nak pergi ke pejabat EXCO-EXCO pada bila mereka naik lif mereka tidak tahu yang manakah ke manakah mereka harus pergi pejabat di mana khususnya apabila pejabat EXCO-EXCO bukan terus di apabila pelawat-pelawat keluar sebaik sahaja keluar daripada lif mereka boleh nampak pejabat EXCO bukan sebenarnya mereka berjalan sampai ke sayap berlainan. Jadi Teratai harap masalah ini ataupun cadangan ini dapat dijawab. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Portfolio siapa yang meliputi penyelenggara lif dan papan tanda. Inovasi.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Y.B. Tuan Speaker cadangan ini akan dipertimbangkan.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B(1) iaitu wang sejumlah RM137,679,581.00 untuk Kepala B(1). Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan menjadi sebahagian daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat kata setuju kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**SETIAUSAHA BAHAGIAN DEWAN** : Jadual B(2) Pelbagai Perkhidmatan RM82,090,909.00.

**TUAN SPEAKER** : Ya. Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Ok. Saya rujuk kepada muka surat 52 Kod 42000. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan RM4.4 juta bagi Tahun 2017. Pada Selasa yang lepas Y.B. Bukit Lanjan dijawab di Dewan yang mulia ini bahawa LUAS hanya mempunyai 17 anggota penguat kuasa. 17 yang Bukit Lanjan jawab pada Selasa yang lepas. Jadi saya ingin hendak cadangkan kerajaan negeri kerana memandangkan Selangor ini luas dengan 17 ya.. Selangor ini sangat luas dengan 17 anggota penguat kuasa ini adakah mereka mampu untuk menjaga di semua sungai-sungai terutama Sungai Semenyih dan Sungai Selangor. Di negeri yang begitu luas. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin merujuk kepada Kod.02 Kod.42000. Saya akan menyentuh tiga badan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, (LUAS) Lembaga Urus Air Selangor, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Pertama sekali adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor saya hendak bangkit di mana laporan yang kita dapat

di Dewan yang mulai ini saya harap PPAS membagi juga tentang beberapa pelanggan yang pergi 90 lebih Perpustakaan yang kita ada di Selangor. Dan saya telah pergi ke Perpustakaan Raja Uda Shah Alam saya rasa ini Perpustakaan yang sangat baik, urus dengan baik saya hendak ucapkan syabas kepada Perpustakaan tersebut. Saya pernah pergi Perpustakaan lain kalau saya pergi Taiping, orang di kaunter akan membawa saya pergi *ward* bangga dengan Perpustakaan mereka tapi saya tengok Perpustakaan pun baik juga tetapi kira tidak berapa banyak orang tahu Perpustakaan kita dan saya harap bahawa pengurusan PPAS boleh buat lebih banyak publisiti. Dan seterusnya untuk memperbagaikan aktiviti-aktiviti lagi di Perpustakaan tersebut. Saya mendapati bahawa infrastruktur di Perpustakaan ini *parking* dan juga *facility* tidak banyak. *Parking* tempat *wises day* pun tidak banyak dan tidak ada bas yang *at actually by so u* kita ada bangunan yang besar RM70 juta kita bina yang Perpustakaan ini tetapi aset akauntabiliti untuk rakyat Selangor saya harap PPAS boleh.. *it some .... in first accountability*. Mungkin Kerajaan Selangor boleh membantu dengan membekalkan bas Smart Selangor untuk pergi ke Perpustakaan. Dan saya juga dapat juga penyata kewangan ini pendapatan dari segi pendapatan saya rasa bahawa cara caruman adalah RM20 juta, geran RM3.37 juta.

Tapi kutipan daripada PBT-PBT, PPAS buat adalah RM1.5 juta sahaja. Saya merasa bahawa bangunan yang besar RM70 juta so kita oleh ada lebih banyak lagi aktiviti ataupun *make is maid the asset why have* RM77 juta so kita boleh memperbagaikan lagi isu pendapatan *library* PPAS itu sahaja yang hendak saya katakan untuk PPAS. Untuk LUAS saya merujuk kepada LUAS geran 4.4 juta kepada LUAS saya merasa bahawa jika kita boleh mendapatkan meningkatkan pendapatan LUAS kita tidak perlu ada geran untuk luas sebab kenapa merujuk kepada muka surat 14 penyata yang laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan LUAS saya mendapati bahawa cas asasi air adalah RM9.5 juta setahun. Dan saya *check website* LUAS dapati LUAS tidak meningkat cas asasi air sejak 2015. Cas asasi air untuk setiap meter padu ialah 5 sen untuk komersial dan 1 sen untuk bekalan. Saya merasa bahawa kita boleh mengemas kini cas ini sebab sekarang air adalah lebih *precious* lebih berharga kalau kita berbanding Tahun 2015. Dan saya juga mendapati bahawa cas aktiviti pengubahan sumber pun tidak berubah 2016. So sudah 10 tahun kita tidak mengemas kini cas demikian dan kompaun. Dan kit dapat RM80 ribu saya rasa bahawa mungkin kita kena lebih kompaun membuat penguat kuasa lebih banyak sikit. Kita boleh mendapat lebih banyak pendapatan so *all* saya merasa bahawa adalah kalau kita hendak meningkatkan kewangan LUAS bukan sahaja dari kerajaan kita kena tengok *what is environment the cost* (dengan izin). Dengan air yang kita ada kalau mengakses ikan air kita mengubah menjajar air kita industri ataupun sesiapa kena bayar is *environment the cost* dan mereka bayar tersebut. So saya berharap bahawa kerajaan boleh menimbang cadangan tersebut. Dan saya hendak merujuk kepada muka surat 15 daripada penyata ini dan di mana 350 ribu dibiayai untuk kajian strategik pemantauan kuantiti dan kualiti air lembangan sungai di Negeri Selangor. Saya kita belum Dewan yang mulia ini belum dapat lagi apa-apa *funding is* kajian. Saya berharap LUAS boleh meningkat prestasi komunikasi dengan



Dewan supaya Ahli-ahli Dewan dapat laporan-laporan tentang kajian yang memakan begitu banyak wang. *Three hundred and fifty (350) thousand* kajian. So saya berharap kita boleh dapat kan kajian tersebut dan juga saya merasa bahawa kita juga kena ambil balik hutang. Hutang cas transaksi air sebanyak RM6 juta yang di hutang oleh syarikat-syarikat *arcoding to* muka surat 17 penyata kewangan LUAS. Itu sahaja pandangan saya terhadap LUAS. Untuk LPHS saya pernah pergi ke Rawang untuk tengok macam mana memohon Rumah Selangorku dan saya merasa laman web itu tidak berapa ada banyak yang *difficult* untuk orang tengok apa Rumah Selangorku dan sebagainya. Saya rasa bahawa kita boleh mempertingkatkan lagi sedikit mutu laman web itu. Dan saya mendapati LUAS tukar laman *web update* laman web. Jadi sangat moden. Ini sangat penting untuk terutama untuk orang-orang muda. Saya merasa kita boleh tengok yang itu. Yang kedua saya hendak memberi sedikit maklum balas *effect* saya tentang LPHS komunikasi dengan Ahli Dewan Negeri saya, kita ada satu polisi baru perumahan tentang servis apartmen dan Ahli Dewan Negeri mendapat tahu polisi baru ini daripada surat khabar. Saya rasa kita ada pekeliling yang baru kalau boleh LPHS boleh hantar satu *copy* untuk kita orang ini pengurusan komunikasi antara eksekutif dengan lebih baik lagi supaya kita boleh tahu macam mana menerangkan polisi baru dasar baru daripada Kerajaan Negeri dan saya *last* LPHS saya nampak tabung daripada penyata kewangan Tabung Amanah PPR Kota Damansara masih lagi RM940 ribu lagi. So lebih kurang RM1 juta. Adakah ia sudah dibiayai sebab PPR Kota Damansara adalah yang kes tragedi yang kita tragedi kita hadapi wang yang di peruntukan boleh digunakan untuk membaiki lagi *facility* Kota Damansara. Dan saya hendak tanya sedikit tentang LPHSSB telah *full in cast* of PPR Kota Damansara dan apakah perkembangan sekarang. Adakah *facility* telah diperbaiki dan berapakah wang yang telah di belanja untuk ini. Setakat ini sahaja.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Pengerusi.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya merujuk kepada Butiran 503000 Pentadbiran dan Kewangan. Kod 2700 berkenaan satu perkara sahaja iaitu Invest Selangor Berhad (ISB). Saya sebenarnya mendapat beberapa statistik dengan pencapaian Negeri Selangor tentang Invest ini. Setakat yang saya tahu pada hari ini Selangor sekarang di tangga kedua di belakang Negeri Johor dengan total RM3 Bilion atau RM3.4 Bilion berbanding dengan Johor RM5.54 Bilion di tempat pertama. Tapi kita di tempat

Batang Kali boleh duduk dulu. Ahli-Ahli yang Berhormat sekalian Dewan perlu bersidang semula. Baiklah masa telah menunjukkan jam 12.00 tengah hari dengan ini saya tangguhkan Dewan sehingga jam 3.00 petang. Dewan ditangguhkan .

**( Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari )**

## (Dewan Disambung Semula)

### (Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai jawatankuasa. Baiklah saya jemput Batang Kali untuk sambung.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, Tadi saya berkata bahawa saya berbangga ataupun kami berbangga dengan pencapaian Negeri Selangor kalau dilihat daripada *Portal Proposed Capital Investment* setakat ini di tangga kedua iaitu bernilai RM3.4 bilion *zero for billion*. Berbanding Johor yang di tempat pertama RM5.4 bilion so tidak banyak beza. Bagi saya ini barangkali hasil usaha berterusan yang dibuat mengikut rekod saya dari Oktober 2013 hingga September 2015 yang tahun ini saya dengar semalam banyak juga lawatan-lawatan bersiri yang 2013 hingga 2015 tadi lebih kurang 11 misi bersiri lawatan perdagangan ke luar negara dengan kos berjumlah lebih kurang RM1.4 juta tidak termasuk apa yang di cakap semalam lah. Jadi cuma satu perkara yang saya nak tegur kepada ISB ini iaitu kita dah berbelanja banyak kita buat ekspo dah 2 tahun berturut-turut kita dah buat lawatan bersiri ke luar negara dengan kos yang agak banyak tahun ini kita lebih kurang dapat RM5 juta lagi barangkali banyak lagi urusan-urusan perdagangan mempromosi perdagangan yang akan di buat atau usaha-usaha untuk meningkatkan lagi *investor-investor* untuk berminat datang ke Negeri Selangor tetapi malangnya kita tidak menetapkan KPI apa yang kita nak, berapa jumlah yang kita nak kita tidak tahu. Jadi kita tidak ada KPI khusus untuk pencapaian kita ataupun *performance* kita. Jadi seharusnya benda ini mesti diambil peduli. Kita tidak boleh set objektif berjela saya tengok dalam *blog* ISB objektifnya menarik, harapan dia menarik banyak panjang tetapi KPI tidak dimaklumkan tidak tahu berapa KPI sebenar yang kita nak kan. Jadi bagi saya Pegawai-pegawai ISB kena ambil perhatian benda-benda ini dan juga bila kita minta data-data ataupun statistik-statistik mesti dilengkapi dengan baik untuk EXCO kita yang bertanggungjawab memberi tahu kepada Dewan. Kita tidak boleh biarkan EXCO kita macam itu. Beliau mesti mempunyai maklumat yang tepat, maklumat yang semasa untuk diberi maklum kepada semua Sidang Dewan. Jadi saya berharap lah sebagai kita untuk menuju ke *Smart State* ini saya harap kita perbaiki lah keadaan ini jangan sampai kita tidak tahu apa yang kita nak buat dan tidak tahu apa hasil daripada kita punya usaha. Yang kedua, Yang Berhormat Speaker tadi saya kata saya nak *touch* benda ini sahaja yang kedua iaitu mengenai fokus ISB ini. Kalau saya baca dia punya *blog* itu *through International Investors* iaitu dalam usaha misi dan juga ekspo ini nampaknya penekanan nak di bagi kepada mengambil ataupun membawa masuk *investor-investor international*. Tidak apa lah kita tidak tahu 2015 dan 2016 berapa perjanjian yang dah kita meterai semasa EXCO itu tidak apa tetapi jangan sampai kita punya fokus itu hilang sebab apa saya kata begitu saya tengok dia punya pencapaian *domestic investment* lebih tinggi daripada *foreign investment*. *Domestic*

kita punya *foreign investment if I'm not mistaken* minta maaf lebih kurang RM1.8 bilion, RM1.3 bilion, RM1.8 *domestic* dan yang *international its about* RM1.8 bilion. Itu tidak apa lagi kalau kita bercakap di dalam skop negeri kita sahaja cantiklah itu ada lebih kurang *zero point five billion* lebih daripada *domestic* nampaknya menarik lah itu adalah *investor international* yang turun ke tempat kita melabur tetapi yang malangnya bila kita *compare* dengan orang lain negeri-negeri lain terutama nya Johor dia membawa masuk RM5.13 bilion di mana kelemahan kita ini. Kita ini *melting port* ataupun tempat yang di agong-agongkan sebagai tempat pelabur minat betul dengan kita itu yang kita punya *facility up to date* kita punya objektif dan harapan sangat besar tetapi kenapa kita bezakan dengan negeri lain kita masih tidak dapat mengekori mereka dan sangat jauh jadi kepada ISB saya minta lah minta kaji tengok kita punya pendekatan bagaimana kita sama-sama membantu bagi saya melihat, menilai dan barangkali memberi teguran dan kritik tetapi bagi ISB kalau mana yang baik itu minta di perbaiki *Insyah-Allah* terima kasih Puan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik. 10 minit sahaja ya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Tuan Speaker saya merujuk kepada muka surat 52, 50300 Pentadbiran Kewangan 42000 pertamanya adalah Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor. Tahniah kerana nampaknya *rebranding* Perpustakaan Selangor itu agak baik cuma keseluruhannya perpustakaan-perpustakaan kecil masih agak uzur. Saya difahamkan peruntukan persekutuan untuk perpustakaan Negeri Selangor dipotong satu pergerakan perpustakaan agak terhad jadi kalau boleh Kerajaan Negeri kena bantu PPS ini. Yang ke duanya adalah saya nak rujuk Galeri Shah Alam peruntukan RM150 ribu. Kadang-kadang orang *confuse* galeri siapa punya, apakah Kerajaan Negeri punya atau MBSA punya dan komiti yang uruskan Galeri ini tetapi nampaknya tidak terurus bangunan tersebut banyak kali tanya ditanya di dalam Dewan tapi oleh kerana peruntukan yang ada ini dan galeri ini saya tidak jelas identitinya sapa yang jaga. Kalau tidak boleh bangunan itu serah sahaja kepada MBSA. Minta MBSA uruskan dan galeri menguruskan bahagian dalaman. Sebenarnya banyak fungsi boleh digunakan galeri ini tetapi komiti yang menguruskan tidak fokus agaknya tidak jelas dari segi apa yang nak di buat di situ sayang kawasan tidak cantik di tepi tasik dan masyarakat melihat bahawa ini galeri Shah Alam, Shah Alam punya MBSA dia *complain* kepada saya dan MBSA katakan dia punya ini galeri punya. Saya cadangkan kerajaan negeri *up grade* bangunan galeri ini telah lama nampak terlalu uzur dan sangat usang jadi tidak cantik untuk dipandang di situ. Yang ketiga nya CCB ini ialah rasmi kerajaan negeri kita maklum Kerajaan Negeri tidak punya yang besar sebab sistem demokrasi kita tidak mengizinkan tidak pernah kerajaan negeri berita keluar di TV di Radio Selangor walaupun ialah Radio Selangor tapi saya di fahamkan ADN-ADN BN dapat *interview* saya menjadi EXCO tidak dapat *interview* di Radio Selangor jadi kalau boleh maknanya kalau boleh media kita ini di *up grade* lagi lah sebab peruntukan RM11 juta sangat terhad dan kita nak supaya suara Menteri besar keluar ke udara dan kita punya tidak hanya fokus pada Selangor Kini tapi TV dan radio dan lain-lain kita kena

kuasai jadi itulah pandangan saya Speaker di perkara pertama *library* kedua galeri dan ketiga CCB.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga dahulu.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAL** : Terima kasih Tuan Speaker, Pengerusi saya ingin bertanya tentang dua perkara. Pertama lanjutan daripada apa yang ditanya oleh Kota Anggerik tentang Galeri Shah Alam. Saya juga ingin bertanya apakah sebenarnya fungsi ataupun fungsi Galeri Shah Alam ini memandangkan sepatutnya Galeri Shah Alam ini menjadi dan mempamerkan tumpuan seni budaya khususnya dan juga untuk mempromosi program-program yang di rancang tetapi buat masa ini kita tidak mengetahui sebenarnya apa sebenarnya Galeri Shah Alam ini. Selaku ADN di Shah Alam juga selalu ditanyakan oleh masyarakat sekeliling. Jadi sudah sampai masanya pihak kerajaan khususnya EXCO Kebudayaan untuk meningkatkan lagi program-program untuk memastikan promosi kebudayaan menggunakan memanfaatkan Galeri Shah Alam ini di lakukan. Untuk itu peruntukan sebanyak RM950 ribu ini apakah tujuan peruntukannya jadi saya mohon perincian RM950 ribu ini apakah perbelanjaan akan dilakukan. Yang keduanya Tuan Pengerusi saya ingin bertanya tentang kepala kod 503004200 bawah *Office of Selangor Aconomic Adviser* (OSEA) yang saya rasa saya mohon penjelasan sebab kita dapati pejabat tahun ini tidak ada langsung peruntukan. Kalau kita lihat pun pada tahun ada RM150 ribu peruntukan tetapi tahun ini langsung tidak ada jadi saya nak tanya apakah pejabat ini akan terus beroperasi seperti mana biasa dan jika ia tiada peruntukan bagaimanakah apakah ia ada peruntukan lain yang diperuntukkan dari kepala mana-mana untuk perbelanjaan *office* pejabat ekonomi ini dan saya juga ingin mengatakan di sini jika ia di peruntukan daripada lain saya rasa ia tidak wajar memandangkan kelapa kod telah pun ataupun kepala jenis perbelanjaan telah pun di letakkan di sini semenjak tahun yang lepas-lepas. Jadi saya mencadangkan supaya untuk ketelusan demi ketelusan kita harapkan ada sejumlah kewangan yang diterakan di sini supaya kita semua boleh pantau kegunaan kewangan itu nanti ke mana perginya. Itu sahaja Tuan Pengerusi untuk dua perkara.

**TUAN SPEAKER** : Sri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANADAM** : Terima kasih Speaker saya nak ambil bahagian di dalam kepada kod 50300 dan juga kod 42000 saya nak bawa kepada CCSB yang telah peruntukan RM11 juta saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Pengarah CCSB yang telah keluarkan naskhah Selangor Kini dan sebagainya tetapi saya nak katakan satu sahaja kalau boleh di timbangkan ialah kita ada satu jenis suara yang kita terbit yang itu ialah Selangor kini di dalam versi bahasa dan juga bahasa Mandarin dan juga Tamil dan juga Inggeris. Saya nampak tapi apa yang saya nampak yang tidak ada di dalam surat khabar ini ialah *editorial column* oleh Selangor. Walaupun kita terima dia ada *twelve pages* atau pun

14 muka surat kalau boleh saya minta kerajaan bagi tumpuan kepada satu muka itu untuk adakan *editorial message* dari Kerajaan Negeri Selangor untuk rakyat di dalam Negeri Selangor sebab saya ingat itu penting untuk kita buat pendirian kita ataupun kepada isu-isu yang timbul di dalam surat khabar ataupun TV3 ataupun TV1 ke mana-mana kita boleh jawab melalui *editorial* yang kita ada di dalam surat khabar kita sendiri. Itu tidak ada sekarang so saya minta kita lihat bagaimana kita akan bawa *editorial* itu di surat khabar kita. Saya nak masuk balik kepada Rantaian Mesra Sedirian Berhad, RMSB yang ada RM800 ribu ini pun tahniah sudah berapa tahun dah kita telah adakan program-program di bawah Rantaian Mesra di dalam Negeri Selangor tapi tahun depan saya ingat ini penting dan mustahak untuk kita yang ADN-ADN di seluruh kawasan dan penyelaras DUN untuk dapatkan data- data yang tidak pun di kumpulkan oleh Rantaian Mesra selama ini dengan beberapa program. Saya ingat itu lah *data based* yang kita boleh gunakan pada tahun yang akan datang untuk kita hubungi mereka-mereka ini di dalam kawasan yang telah pun dapat bantuan dan faedah dari Negeri Selangor selama 3 tahun ataupun 4 tahun ini. Saya ingat itulah sebabnya saya katakan dulu pun bahawa tiap-tiap ADN ini kena lantik ataupun ada 2 ke 3 orang lebih kerja di dalam pejabat ADN ni untuk teruskan program-program macam ni. Kalau Smart Selangor kita di DUN juga kena jadi Smart juga dan kalau smart di dalam DUN itu ialah melalui talian telefon, internet, whatsapp dan sebagainya. Itu kena dilaksanakan dengan sistematik di dalam DUN pada tahun akan datang. Saya mintak untuk perkara ini dilihat dan kalau boleh bekerjasama dari rantaian mesra dengan ADUN-ADUN di dalam Negeri Selangor. Sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Terima kasih, merujuk kepada muka surat 52 Butiran Program 503000 Kod 42000 Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Terima kasih kerana saya tengok tahniah kerana peruntukan 2016 dan kalau dibezakan dengan peruntukan 2017 sudah ada peningkatan. Apa yang saya nak kemukakan ialah berkenaan dengan perkhidmatan yang dilakukan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor terutamanya di kawasan PPR Seksyen 8 Kota Damansara. Kalau boleh saya nak mohonlah kepada EXCO Kerajaan untuk memberi mungkin kursus kepada mereka supaya perkhidmatan yang diberikan lebih kepada perkhidmatan yang mesra rakyat, mesra alam, tidak sombong, tidak bongkak seolah-olah tidak mahu ambil peduli apa permasalahan yang timbul di sana. Saya kadang-kadang sedih melihat apabila rakyat di sana turun untuk membuat aduan ataupun membuat rayuan tidak dilayan dengan baik sebagai seorang insan tambah pula pejabat itu saya tengok dah macam dalam penjara. Keliling dah tutup. Kat depan sedikit sahaja cermin. Jadi ia tak mesra alam kalau kita nak tengok dan saya juga nak merujuk juga kepada perkhidmatan yang telah dijalankan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mesti fokus kepada kawasan persekitaran kat sana di mana saya nampak longgokan kereta-kereta yang rosak terlalu banyak menjadikan tempat itu

keadaannya amat buruk dan disebabkan itu *parking* nya pun berkurangan. Jadi kalau boleh layanlah penduduk-penduduk ataupun penghuni-penghuni di Lembah Subang dengan baik. Saya yakin Y.B. EXCO pun saya tengok berbudi bahasa ajarlah mereka ini berbudi bahasa juga. Jangan seperti berlagak sombong badak. Badak pun tak sombong macam tu. Jangan nak melayan mereka seperti langsuir kata orang. Langsuir ni maknanya macam nak mencekik. Bukan mencekik tapi menghisap darah insan yang lain. Kalau langsuir ada masa ketika nak menghisap darah orang dia ada kalau dah lapar sangat dan perlukan benda tu mungkin sesekali saja dia nak insaf.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara terus kepada *point*.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Saya nak mencadangkan supaya mereka ini diberilah kursus untuk bagaimana cara mereka nak berkhidmat yang terbaik untuk rakyat di situ. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya rujuk pada muka surat 52 Kod 42000. Bawah Communication Corporation Sdn Bhd. Baru-baru ini ialah dah tahun-tahun yang lepas Selangor ni dihentam di media tentang masalah sampah, masalah air, saya nak tanyalah ataupun ada tak kerajaan Negeri Selangor ada satu pasukan ataupun *risk management team* untuk mengatasi persepsi yang buruk kepada *state government*. Saya mengucapkan tahniah RM11juta telah diberi kepada Communication tetapi yang penting politik dengan izin *its all about perception of the public*. Jadi kalau persepsi Negeri Selangor diburuk-burukkan dan kita tak ada pasukan untuk nak kaunter masalah yang negatif jadi macam mana kita buat kerja pun tak akan diatasi. Itu saja saya nak tanya. Saya harap Selangor akan wujudkan satu *risk management team*. *Federal Government* pun ada akur *risk management team*.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih Pengerusi. Pengerusi saya merujuk muka surat 52 Vot B02 Butiran 50300 Kod Objek 42000 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Menurutkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) di mana daripada 96 perpustakaan sudah 30 perpustakaan melalui *rebranding* dan dengan adanya *rebranding* itu peningkatan bagi pengunjung adalah agak mendadak, agak besar 6 hingga 10 kali ganda pengunjungnya. Tuan pengerusi, 53 perpustakaan daerah hanya ada satu staf kalau dia bersalin maka tidak ada yang menjaga. Kena diambil dari tempat lain. Begitu juga dengan kita mahu mengeratkan ataupun mengurangkan jurang antara pembangunan desa dan kota dan bandar maka sudah tentulah perpustakaan desa ini sangat penting. Jadi saya mencadangkan pada Kerajaan Negeri supaya sekurang-kurangnya ada dua

staf di dalam perpustakaan desa itu. Saya setuju dengan rakan-rakan saya mengenai Communication Corporation Sdn Bhd di mana ini adalah satu-satu entitinya begitu penting untuk berhubung dengan rakyat jelata di seluruh pelosok Negeri Selangor ini. Maka sudah tentulah TV Selangor, Selangor kini ke, apa-apa sahaja yang menjadi lidah rasmi kerajaan negeri ini mesti memuatkan segala-galanya yang ada di dalam DUN kita di Negeri Selangor ini. Maka saya rasa sudah masa dan ketikanya CCSB ini dengar-dengarlah dan jenguk-jenguklah, turunturunlah bersama-sama ADN kita. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Puan Pengerusi. Pada perkara yang sama Vot B02 muka surat 52 saya menyentuh kepada beberapa perkara. Yang pertama dengan CCSB seperti mana banyak rakan berhormat sudah menyentuh tadi. Hanya satu *point* sahaja iaitu *crisis management*. Apabila berlaku krisis di Negeri Selangor saya mencadangkan CCSB kena naik taraf kesediaannya untuk menghadapi krisis tersebut. Penyebaran maklumat adalah amat kritikal untuk dilakukan dalam masa satu jam atau dua jam krisis tersebut bermula kita lihat bagaimana isu pencemaran air yang berlaku baru-baru ini. Maklumat yang keluar kepada penduduk adalah agak lambat. Ini memberi ruang kepada banyak spekulasi dan banyak pembohongan oleh pihak lawan di media. Jadi saya harap bergerak ke hadapan CCSB boleh membantu kerajaan negeri dengan bersedia, dia *standby* 24 jam. Ini tidak selalu berlaku krisis tapi apabila berlaku krisis CCSB ini kena masuk *full swing* untuk penyebaran maklumat menggunakan pelbagai media sosial kerana kita tidak ada radio dan TV tradisional seperti mana barisan Nasional ada. Kita perlu bersedia dengan semua media sosial kita semua staf kita untuk membuat info grafik yang sepatutnya. Yang kedua ialah berkenaan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Memang setiap tahun kita mengagihkan satu peruntukan yang cukup banyak kepada Lembaga Perumahan, saya ingin tanya kerajaan negeri apakah KPI yang diberi kepada Lembaga Perumahan dari segi penguatkuasaan kepada pemilik petak strata yang tidak membayar *maintenance fee* (yuran bulanan) dan berapa kes yang perlu Lembaga Perumahan bawa ke mahkamah setiap bulan dan adakah mereka mencapai sasarannya dan saya harap EXCO boleh beri ulasan saya rasa ini perkara yang penting kalau kita nak mulakan satu persekitaran di mana semua pemilik petak strata flat kos rendah, flat kos sederhana membayar *maintenance fee* demi bangunan itu dapat di selenggara dengan sempurna. Itu sahaja. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Untuk B2 tak payah kod tak payah muka surat kerana hanya ada satu muka surat sahaja. Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Tuan Pengerusi, *straight to the point* dengan izin. Taman Medan ingin menyentuh bawah tajuk Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor seperti yang dibangkitkan oleh Selat Klang tadi bukan sahaja perpustakaan desa yang memerlukan tambahan kakitangan tapi



perpustakaan pekan juga hanya kalau di Taman Medan hanya ada seorang sahaja yang bertugas jadi sering kali terpaksa ditutup kerana atas urusan menghadiri mesyuarat dan juga mungkin tidak sihat dan sebagainya. Perkara ini sebenarnya telah dibangkitkan beberapa kali sebelum ini tapi belum ada tindakan. Jadi mohon perhatian dan tindakan. Keduanya bawah tajuk Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) taman Medan memohon segala projek ataupun ceria yang diluluskan mempunyai *branding* ini rentetan pada 1 projek yang berlaku di kawasan Taman Medan di mana kontraktor yang bertugas itu memakai t-shirt projek kerajaan persekutuan. Jadi ini memberi persepsi yang salah sedangkan 80% dibayar oleh kerajaan negeri. 20% dibayar oleh MBPJ. Jadi penduduk di situ mendapat memahami seolah-olah ini projek persekutuan. Jadi kita tidaklah sampai ekstrem macam kerajaan persekutuan meletak logo besar pada bangunan setiap kali projek mereka laksanakan tapi sekurang-kurangnya ada *branding*. Ini daripada kerajaan negeri. Jadi itu saja Taman Medan ingin bangkitkan mohon perhatian.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas berkaitan Lembaga Urus Air Selangor di mana Lembaga Urus Air Selangor ini kuasanya besar dan baru-baru ini bertungkus-lumus dalam membantu kerajaan mencari dan menyelesaikan masalah pencemaran air di Sungai Semenyih dan sebagainya dan pada masa yang sama LUAS ini dia bukan sahaja pencemaran air di persisiran pantai pun kuasa LUAS. Dan khususnya saya ingin tekankan dalam dewan yang mulia berkenaan kes dan isu yang berlaku di DUN Sekinchan di mana jeti nelayan tidak tersusun bertaburan dan tidak ada inventori tidak ada data-data sekarang Kerajaan Negeri Selangor kita gunakan cara yang profesional dan teratur menyusun balik dan memutihkannya semula jeti-jeti ini agar lebih tersusun dan tidak mengganggu dan boleh diadakan aktiviti dengan sah. Jadi dalam proses pewartaan ini saya nampak sekarang di 89 jeti nelayan di Sekinchan ini sudah dekat dua tahun memakan masa dan sekarang masuk peringkat untuk diwartakan pada masa yang sama kerajaan bersetuju untuk memberi supaya TOL diberikan dulu kerana ini mengganggu kalau tidak mereka tidak melakukan banyak kerja ubahsui dan sebagainya tidak dapat dilakukan. Maka dengan itu saya meminta pihak LUAS dan pihak pejabat kanan dan Kerajaan Negeri dapat mempercepatkan urusan ini supaya segala aktiviti untuk kerja-kerja ini dapat diuruskan dengan baik tanpa ada banyak gangguan. Jadi saya minta perkara ini boleh diberi perhatian oleh LUAS dan Kerajaan Negeri kerana kalau penyusunan dan pemutihan jeti-jeti nelayan di Sekinchan ini berjaya di bawah Seksyen Pewartaan KTN Seksyen 62 ini berjaya dia akan menjadi satu projek perintis kepada semua seluruhnya sungai-sungai di Selangor di persisiran pantai ini satu pilot projek yang penting. Dan minta kalau boleh esok kalau dipajakkan bagi maksimum 21 tahun dan bayarannya sekadar yang mampu, jangan membebankan. Seterusnya saya ingin memasuki isu berkaitan dengan CCSB. CCSB ini saya nampak peruntukan untuk tahun lepas RM11 juta, tahun ini pun tahun 2017, belanjawan ini memajukan bangsa, memakmurkan negeri

juga RM11 juta. Bagi saya RM11 juta ini untuk Negeri Selangor yang merupakan peneraju ekonomi seluruhnya di Negeri Selangor dan juga kepadatan penduduk lebih daripada 6 juta. Saya rasa RM11 juta untuk penerangan untuk publisiti ini tidak cukup. Minta kalau boleh dipertimbangkan tambah sampai RM15 juta kerana apa, kerana Selangor Kini yang ada sekarang ini perlu ditambahbaikkan. Isinya pengisiannya sebarannya perlu diperbesarkan ya. Perlu diperluaskan seolah-olah macam LUAS, perlu diperluaskan, semua LRT, semua tempat-tempat tertentu mesti ada rak-rak untuk diletakkan naskhah-naskhah Selangor Kini. Tak ada gunanya Selangor kalau kita Peduli Rakyat, Skim Peduli Sihat, macam-macam seluruhnya untuk rakyat tapi sebarannya, maklumatnya agak terganggu tak sampai ke bawah tak sampai ke bawah ya. Ada yang sampai ada yang tak sampai, memandangkan kita disekat oleh pihak UMNO, Barisan Nasional. Hendak buat radio tak boleh, hendak buat TV tak boleh, semua tak boleh jadi kerajaan negeri perlu perkasakan ya, penerangan seluruhnya diperkasakan itu satu ya. Dalam edisi, edisi Bahasa Malaysia perkasakan *content*nya dan sebagainya dan yang ke dua edisi Bahasa Inggeris yang ada sekarang ini masih ...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Minta penjelasan sikit Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok, ok penjelasan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasihlah Sekinchan, semangat lepas-lepas sembahyang ini. Tuan Speaker, saya cuma nak tanya satulah, dulu dalam janjilah saya ingat saya pernah bahas mengenai Selangor Kini ya, dulu ada janji bahawa surat khabar ini juga boleh mengemukakan pandangan atau pun mengenai pakatan daripada pembangkang. Awal-awal dulu macam tulah. Sekarang ini langsung dah tak ada dah. Jadi saya tengok kalau boleh biarlah menyeluruh juga ADN-ADN yang 12 ini termasuk 2 daripada Bebas pun diberi liputanlah. Sama ada aktiviti seolah-olah apa jugalah kan. Jadi saya tengok dah tak ada langsung dah, jadi kalau boleh Sekinchan cadang juga kalau boleh semua ADN-ADN dalam 56 Adun ini mendapat liputan yang sama.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Permatang dan terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Permatang ini saya rasa Permatang ini kadang-kadang dia tak baca Selangor Kini ya, edisinya dan kadang dia mengelirukan Dewan juga ya. Sebab saya baru saja baca edisi yang ke belakang ini semua saya baca satu persatu ada gambar dari Bukit Melawati, daripada Pembangkang ada. Ada cuma dia taklah panjang lebar sangat, Sekinchan pun tak ada tak panjang, jadi Sekinchan pun tak kecil hati juga. Sekinchan tak kecil hati, nampak muka EXCO terlalu besar, Sekinchan pun kecil hati tapi apa boleh buat.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Itu ambil daripada *facebook* Sekinchan. Sekinchan itu ambil daripada *facebook* bukan ada wawancara ke atau pun minta secara rasmi dengan ADN. Ambil muka gambar warna-warna sahaja saya

pun tak tahu kadang gambar saya pun ada mana ambil pun saya tak tahu. Tak ada rasmi pun, jadi biarlah ada rasmi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Permatang saya mintalah pihak CCSB kalau pihak pembangkang diberi selit-selit sikit tapi suruh mereka emailable, email kepada CCSB. Mereka pun tak email, kadang-kadang blok kita punya FB dan sebagainya itu yang jadi masalah. Emailkan, emailkan supaya mereka boleh pilih gambar yang lebih *handsome* sikit Permatang ya. Boleh *handsome* sikit kalau tidak mereka mengadu ya ini. Saya minta kita lakukan yang terbaik. Yang ke dua penambah baik kandungan Selangor Kini edisi Bahasa Malaysia, yang kedua tentang Inggeris. Bahasa Inggeris ini saya nampak Selangor Kini dia hanya *copy and paste* lebih kurang macam itu saja. Tak ada kurang *copy and paste* jadi macam itu kerja pejabat pun boleh buat. Jadi CCSB ini tak berbaloi. Saya minta edisi Bahasa Inggerisnya kita kembalikan zaman kegemilangan SelangorTime ini. SelangorTime ini pulihkan kerana kita hendak menang lebih besar daripada pilihan raya yang akan datang. Saya tahu apa yang kita buat, saya sokong seluruhnya SelangorTime ini antara wadah yang boleh diharapkan. Ini seluruhnya termasuk pun Sabak pun setuju dengan saya. Jadi peruntukan tadi RM11 juta tadi tak cukup, RM15 tak ada masalah Selangor ada dana sebab kita di sekat oleh TV, hendak pecahkan sekatan daripada BN ini bukan senang. Mereka tunjuk TV3 baling baldi dan sebagainya. Kita pun kena tunjuk, saya bagi baldi kepada Pekan ah, Pekan tak ada air, saya bagi macam itulah. Kenapa ...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Pembedulan Sekinchan, pembedulan. Sekinchan kalau hendak masuk TV3 boleh, email dekat TV3, TV3 keluarkan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih nampaknya Permatang dia nampak cara saya dia pun tahu cara dia ikut jugalah tiru. Tak apa, ok jadi ada persamaan yang di sini saya mintalah edisi SelangorTime betul-betul kali ini kita kena serius ada komitmen, ada konsistennya kita kena buat. Kalau Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ingat boleh buat, tambah peruntukan mesti boleh buat kalau kita hendak ya. Kalau kita rasa boleh, kita mesti boleh mampu buat. Yang ini saya .....

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Saya hendak minta penjelasan sikit Sekinchan sebab saya selain daripada apa yang disebut tadi, ada berita-berita yang sepatutnya besar dimasukkan dalam *Prime News* tapi tidak masuk, jadi Selangor Kini boleh masukkan berita-berita yang dirahsiakan oleh *Prime News* ini terutama kenaikan harga minyak ini. Sebab bila dia tak beritahu, dia membentuk persepsi bila dah bentuk persepsi dia menjadi mental blok sebab saya tanya orang tua di kampung di sebelah Sabak Bernam. Dia kata dia tak tahu pun harga minyak naik sebab dia dulu isi minyak RM3.00 sekarang RM3.00 sama saja dia kata. Jadi itu macam mana.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sabak betul apa yang Sabak cakap saya setuju sebab orang kampung dia isi RM3.00, RM3.00 cuma jarak dia pendek dia tak tahu. Hah, ini yang jadi masalah minyak dia dah tuang, jadi kita perlulah dalam surat khabar Selangor Kini ini, kita kena tulis harga minyak masak naik, minyak diesel naik, petrol naik angkara BN. Hah, itu kena besar sikit, tarik subsidi.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Sekinchan itu tak boleh itu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Caranya ini contohlah, contoh janganlah cepat melatah sangat, contoh itu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tak masa minyak turun tu masuk tak surat khabar.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Hah, boleh masuk harga minyak turun kalau betul turun banyak hah, masuk. Hah, kalau turun 5 sen tak payahlah buang masa saja ya tak, ini contohnya. Ok seterusnya saya ingin mintalah pihak CCSB perkuatkan pasukan editornya supaya boleh cari Selangor Kini, Selangor Time dan sebagainya. *Channel-channel* yang lain, *facebook live*, *channel-channel* yang lain yang boleh kita *publish* maksimum mungkin. Jangan hanya masukkan surat khabar saja jangan kita semua seluruhnya kerana dunia maklumat ini hendak lawan Barisan Nasional ini kerja kuat, 100% bukan 100% tapi 150% hah. Itu kena kuatnya ha, kena kuatnya begitu ya. Jadi saya mintalah pihak CCSB tolong pantau perkara ini dan tambah baik perkasakan paling penting peruntukan ditambah. SelangorTime dikembalikan dipulihkan seterusnya saya ingin menyentuh tentang Tourism Selangor. Tourism Selangor ini dia memainkan peranan penting untuk mempergiatkan, memperkasakan menambah bilangan pelancong. Produk-produk Selangor ini dapat dipromosikan kepada antarabangsa, domestik dan sebagainya. Jadi bantuan-bantuan daripada ADUN daripada semua pihak pun penting seperti saya bagi contoh baru-baru ini saya nampak Yang Berhormat Sg. Pinang dia jadi seorang *Tour Guide* bagi jadi seorang pelancong, pemandu pelancong di Klang. Pakai seluar pendek bawa 100 orang, naik apa naik apa naik bas bukan naik bas Smart Selangor. Bawa pergi Klang Bandar Diraja, Bandar Warisan, Heritage City, bawa ramai orang ikut, hah ini cara dia kita kena pergiatkan Tourism kena beri akses, bantuan yang semaksimum mungkin, beri bantuan ke Sekinchan, Sabak ya. Macam di Sabak kita ada 3 hari 2 malam pihak EXCO kena tolong Tourism kena rancangkan pakej 3 hari 2 malam. Itu termasuk di Klang pun tak apa, hah sekarang pun ramai pelancong, Sekinchan pun hendak pergi Klang, nak pergi ke Istana, nak pergi ke Galeri dan sebagainya. Ini peranan Tourism amat penting ya untuk kita memperkasakan pelancongan di Negeri Selangor dan juga di Kuala Selangor seperti contoh kerajaan negeri baru nampak Sky Middle, benteng pasir yang baru yang sebulan boleh pergi 6 hari, 8 hari. Akses untuk ke situ, jeti di Kuala Selangor perlu di naik taraf cepat, naik taraf jeti itu supaya

bot itu hantar keselamatan semuanya terjaga, aksesnya supaya kita boleh terus cuti-cuti Selangor, cuti-cuti Sekinchan. Saya rasa sampai setakat ini ya terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang dulu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh muka surat yang telah dibincangkan. Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Di mana ia merupakan satu institusi yang akan mewariskan pada generasi hari ini dan masa akan datang. Tentang warisan adat Melayu dan masyarakat Malaysia di Selangor. Di mana dalam soalan yang telah saya kemukakan tentang pendokumentasian riwayat hidup ulama rakyat berkhidmat dengan Sultan di Selangor. Persoalan saya nombor satu apakah kerajaan ada rancangan untuk mendokumentasikan riwayat hidup ulama yang berkhidmat sebagai penasihat Raja-raja dan kerabat sultan di Selangor. PADAT menjawab PADAT tiada perancangan bagi dokumentasi tersebut. Kedua senaraikan bahan-bahan dan bentuk catatan sahih aktiviti utama dalam Istana. Demikian juga PADAT tidak mempunyai bahan-bahan dan dalam bentuk catatan sahih aktiviti ulama dalam Istana tapi ada berita baik iaitu apabila saya tanya senaraikan ulama dan guru-guru yang mengajar Al-Quran dan kitab-kitab kuning di Selangor, maka jawapannya senarai ulama dan guru-guru yang mengajar Al-Quran dan kitab-kitab kuning boleh dilihat melalui laman web JAIS di [www.jais.gov.my](http://www.jais.gov.my) yang berjumlah 2,071 buah. Antara ulama dan guru-guru yang mengajar Al-Quran dan kitab-kitab kuning ialah nama disenaraikan sebagai 10 orang.

Jadi ini merupakan satu pencapaian yang baik di mana saya kira walaupun hasil karya itu tidak lagi popular dalam masyarakat kita, masyarakat Melayu tetapi kalau ditonjolkan akan terserlah kehebatan kepopuleran ulama Melayu Islam di Negeri Selangor. Dengan itu saya ingin mencadangkan bahawa PADAT lebih memberikan sokongan yang padu ke arah menghubungkan warisan Melayu dengan Islam dengan Raja dan istana sebaik mana yang sedang hari ini dilakukan oleh satu badan satu *production* tentang Putera Lagaligo iaitu sebuah epik besar masyarakat Bugis yang lebih besar daripada epik Mahagalata yang memperihalkan sejarah mitos orang Bugis yang kemudian dikaji penuh teliti oleh pakar-pakar sastera dan adat Melayu untuk melahirkan kisah asal usul Raja Selangor. Yang sejarahnya lebih daripada 250 tahun jadi teater itu mendapat sokongan sebahagiannya daripada sebahagian kecil tapi bermakna daripada EXCO Belia dan saya sarankan sekiranya dapat diberikan sokongan yang lebih padu daripada Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor untuk *sponsored* tiket percuma bagi anak-anak Melayu dan anak-anak bukan Melayu yang lain di Selangor untuk datang ke teater yang akan diadakan pada 16, 17, 18 Disember. Saya mempromosikan kerana saya bersimpati dengan anak Hulu Kelang, saudara Mohamad Noor, legasi rakan kepada P.Ramlee, Tan Sri P.Ramlee merupakan seniman agung negara kita.

Jadi kemudian saya ingin menyentuh tentang Lembaga Urus Air (LUAS). LUAS ini mempunyai *itch* yang tersendiri. Dia merupakan agensi yang menguruskan air, segala jenis air dari sungai, lembangan sungai, air bukit, air gunung, air tanah, air laut dan merupakan satu yang ada *nature* tentang alam sekitar. Antara program baik yang telah dilakukan oleh LUAS ketika dulu adalah tentang kitar semula, sisa minyak masak terpakai. Dan program itu berjalan dengan baik di mana dengan itu ada *connection* ada berkaitan antara program dan kesedaran alam sekitar yang dilakukan oleh LUAS. Jadi boleh menghidupkan kesedaran tentang alam sekitar ini perlu dijaga dari muara sungai, dari tasik dan lombong hinggalah ke laut dan ke pantai-pantainya dan apabila saya perhatikan apabila tugas ini diagihkan diserahkan kepada PBT, PBT memang efisien dalam konteks pengurusan minyak masak terpakai. Tapi saya kira penilaian saya kurang dari segi sentuhan dalam menanamkan rasa sentuhan yang berkaitan dengan alam sekitar. Jadi kalau boleh diuruskan semula di susun strategi bagaimanakah sinergi kerjasama di antara LUAS dan PBT-PBT dalam program kitar semula sisa minyak masak, saya rasa dia akan membawa kebaikan kepada masyarakat.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Lembaga Perumahan Hartanah Selangor iaitu sebuah badan yang menyelaraskan dasar-dasar polisi perumahan dan memberi penerangan tentang sistem perumahan di Malaysia di Selangor dan saya perhatikan bahawa apabila rakyat kita membeli rumah yang terbengkalai. Yang hanya terbengkalai mereka mempunyai harapan yang sangat tinggi kepada kerajaan dan apabila mereka menulis surat minta penjelasan pada Lembaga Hartanah dan Perumahan Selangor mereka berharap bahawa masalah mereka dapat diselesaikan. Tetapi dengan kadang-kadang mereka tunjukkan sepucuk surat pada mereka, pada saya dengan rasa kekecewaan.

Saya tidak persalahkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tetapi saya rasa satu fungsi perlu dimainkan oleh kerajaan untuk mendidik masyarakat kita orang yang membeli rumah agar dia sedar bahawa rumah yang dia beli itu adalah tanggungjawab dia. Tidak ada kena mengena dengan kerajaan dari segi kalau terbengkalai atau pun tidak terbengkalai. Tapi pengharapan mereka adalah lain, mereka berasakan tempat mereka untuk kembali merujuk mendapat pertolongan dan bantuan itu adalah kepada kerajaan. Jadi, kena mencari jalan tengah di mana Lembaga Perumahan perlu mendidik, menjelaskan, memberi, memaklumkan kepada rakyat Malaysia, rakyat Selangor mereka yang membeli rumah adalah kontraknya S&P nya dengan pemaju bukan dengan kerajaan. Tetapi mereka tidak berpuas hati, mereka merasakan dan kerajaan telah meluluskan projek itu untuk dilaksanakan, maka patutnya kerajaan mengambil tanggungjawab. Ini isu yang saya ingin kemukakan dan dalam ruang ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Permatang 5 minit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Y.B. Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh kod yang sama dalam Vot B02, Muka Surat 52 juga mengenai CCSB ini yang tadi disebut oleh rakan-rakan saya dengan perbelanjaan untuk 2017 sebanyak RM11,000,000.00. Saya percaya duit sebanyak RM11,000,000.00 ini besar dan juga merupakan duit pembayar cukai, duit rakyat Negeri Selangor yang ditadbir oleh pihak kerajaan dan saya bersetuju dengan rakan-rakan saya daripada Sekinchan tadi bahawa dari segi pemberitaan itu kenalah jelas, tepat, tidak mengelirukan. Cuma satu sahajalah daripada saya Yang Berhormat Pengerusi kalau boleh saya memberikan pandangan kepada CCSB ini supaya kisah-kisah, cerita-cerita, laporan-laporan mengenai parti-parti politik sekalipun ia adalah penyokong kerajaan sama ada PKR ataupun DAP ini saya yakin parti masing-masing ada suara masing-masing, ada suara keadilan dan ada roket. Ini kalau dimasukkan dalam surat khabar rasmi kerajaan yang mempunyai pembayar cukai dan juga dibayar oleh pelbagai jenis fahaman, sokongan, jadi saya fikir amat tidak sesuai sekiranya urusan-urusan parti dimasukkan, rencana-rencana parti dimasukkan. Kalau UMNO masuk dalam Utusan Malaysia tak apa dia bukan surat khabar kerajaan. Dia surat khabar persendirian. Jadi saya nak minta kalau boleh surat khabar ini biar dia cerita fasal hal kerajaan, sebutlah apa pun dasar, saya dialu-alukan tak jadi masalah. Cuma urusan-urusan

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Mohon mencelah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Cerita-cerita parti, sekejap lagi saya habiskan sikit lagi dan yang keduanya juga saya haraplah dari segi inti pati mengenai kandungan dan dari segi kandungan juga tidak bolehlah kalau boleh saya nak mencadangkan kalau boleh, oleh kerana ini ialah media rasmi kerajaan negeri dan dibayar oleh rakyat. Berita-berita yang boleh melaga-lagakan di antara urusan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ataupun negeri dengan negeri yang lain cubalah dielakkan kerana ini akan mendatangkan satu persepsi yang amat tidak baik. Contohnya mempertikaikan dasar-dasar dimuatkan dalam. Kalau nak cerita tentang pembangunan Negeri Selangor usaha kerajaan Negeri Selangor, bajet Negeri Selangor apa juga saya tak ada masalah. Tapi banyak saya baca, saya tengok ada juga melaga-lagakan, kritikan-kritikan yang saya fikir itu amat tidak sesuai dari segi sebab ini ialah akhbar rasmi dan juga dibayar oleh RM11,000,000.00, ini dibayar oleh duit pembayar-pembayar cukai yang ditadbir oleh kerajaan negeri. Jadi saya ini pandangan rasmi saya fikir daripada ADN-ADN Barisan Nasional, kita mengikut bukan tak baca Sekinchan, kita baca juga Selangorkini tapi biarlah kalau ada berita parti masuklah dalam surat khabar parti masing-masing yang diberikan kebenaran oleh KDN. Ok saya beri laluan Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Tak, saya agak hairan juga Permatang bangkitkan isu jangan campur pandangan politik kepada masyarakat. Macam mana dengan tindakan pemimpin-pemimpin UMNO yang hadir di dalam

sekolah-sekolah bercerita tentang pandangan politik mereka sedangkan itu bukan platform untuk digunakan untuk menyebarkan fahaman politik.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak beritahu kepada Taman Medan sebenarnya wakil-wakil yang dilantik ataupun datang ke sekolah mereka sebenarnya ada surat rasmi daripada Menteri Pendidikan.

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Surat rasmi sebagai Ketua Bahagian UMNO

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tidak sebagai mereka ....

**Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA** : Sebagai.....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tak apa saya faham kalau seorang Ketua Bahagian UMNO kadang-kadang kita juga memegang jawatan yang lain, dia dijemput bukan atas sifat dia sebagai Ketua UMNO Bahagian, macam juga Y.B.. Kejam lagi Y.B., karang kalau nak berucap saya bagi 5 minit sahaja. Saya bagi peluang, boleh saya boleh bahas, tak ada masalah kalau diberi ruang. Jadi masalahnya kadang-kadang mereka juga ada perkara-perkara ataupun NGO lain yang mereka sebagai penyelar sebagai, macam-macam jawatan yang mereka ada. Jadi itu dijemput atas dasar yang berkenaan, jadi saya sendiri saya boleh tahu dalam kawasan saya bila dijemput ke sekolah saya tak bercakap soal politik, saya bercakap soal pendidikan. Itu benda jelas dan saya boleh sahkan Y.B. boleh semak. Jadi saya mengharapkan sebab ini dibayar oleh bersama oleh rakyat Negeri Selangor. Itu teguran saya

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Permatang minta mencelah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ok, Sila.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Nak memberi sedikit informasi tentang Ketua-Ketua Bahagian ini, mungkin ramai keliru. Sebenarnya ada Ketua-Ketua Bahagian ini merupakan YDP, JKKP di bawah KKNW dan ada juga menjadi Pengerusi di bawah JPPP ataupun Jawatankuasa Perwakilan Penduduk untuk Kerajaan Tempatan. Ini banyak, jadi banyak dia punya apa ini kuasa-kuasa agensi yang mereka peroleh untuk memasuki agensi-agensi Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Mohon mencelah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih. Batang Kali.

**TUAN SPEAKER** : Permatang saya minta habiskan *point* terakhir.



**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Buat terakhirlah saya boleh bagi.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Nak tanya satu sahaja.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh saya bagi.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL** : Saya nak tanya sikit rentetan pandangan -daripada kawan-kawan ataupun Y.B. yang lain. Mana yang lebih rasmi Ahli Dewan Undang Negeri untuk masuk dalam sekolah ataupun NGO-NGO yang mengguna nama yang di sebalik Ketua Bahagian UMNO, siapa yang lebih layak masuk sekolah sebenarnya?.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Y.B. saya sendiri pun nak dipanggil ke SRA pun tak boleh, ada Guru Besar yang panggil saya masuk SRA Guru Besar kena tindakan. Saya cakap terus teranglah. Kalau nak nama sekolah saya boleh bagi. Jadi tak payahlah kita nak debatkan soal itu. Sama sahaja bidang kuasa siapa ya. Cuma saya harap Y.B. Pengerusi ini pandangan ikhlas lah sebenarnya daripada kita dan dulu dari awal-awal dulu sewaktu kita beri teguran pada dewan ini banyak perkara-perkara yang ada juga kita diwawancara, diminta pandangan. Sekarang ini pun saya ingat pegawai-pegawai sendiri pun dah lupa nombor telefon kita dan saya teringat satu peristiwa, saya pernah bangkitkan dalam dewan ini dalam penggal yang lalu apabila saya sendiri pun menjadi mangsa fitnah kepada surat khabar Selangorkini dan saya beri teguran dalam dewan ini mengenai peribadi saya dimasukkan ke dalam surat khabar saya boleh buktikan dalam *hansard* ya jadi saya harap perkara-perkara yang berupa kritikan dan sebagainya. Cuma saya hari itu berasa amat baik hatilah tidak membuat tindakan undang-undang kepada surat khabar ini. Jadi saya harap biarlah bersifat adil, terbuka dan benar-benar telus berilah peluang kepada mana-mana pihak, kedua-dua pihak untuk berikan pandangan. Barulah surat khabar ini benar-benar menjunjung nilai kebebasan dan sesuai dengan perbelanjaan yang dibayar oleh rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Pembahas terakhir, Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Puan Speaker, saya ringkas sahaja hari ini tentang yang dibincangkan pada hari ini yang pertama saya pergi pada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Saya telah membangkitkan isu perpustakaan di kampung-kampung sekitar tahun 2013 atau tahun 2014, 2-3 tahun yang dahulu. Tetapi saya ingin menarik perhatian sama ada Pengerusi ataupun Pengarah ataupun Ahli Lembaga Pengarah atau siapa sahaja yang mendengar perbincangan ini bahawa Perpustakaan di Sungai Plong itu dah nak reban dah dimakan anai-anai dalam keadaan bahaya tersebut 2 tahun dahulu dan

jangan sampai perkara ini berlaku dan saya boleh perkara ini boleh selesaikan segera dan pernah saya juga dalam ucapan saya menyebut bahawa Perpustakaan di Kubu Gajah didiami oleh orang yang kita tidak kenali dan maksud untuk perpustakaan itu terhapus. Saya harap perkara ini dapat dilihat serta-merta dan harap saya tidak perlu bangkit dalam perbahasan yang akan datang tentang 2 tempat yang saya bangkitkan ini. Perbadanan Adat-Adat Melayu dan Warisan (PADAT) saya ingin menarik perhatian kepada Y.B. EXCO yang menjaga bahagian ini bahawa kita di Selangor ini kita ada nama PADAT tetapi saya tidak lihat ada satu tempat ataupun forum yang mana masyarakat-masyarakat Melayu boleh mempamerkan sama ada kebolehan dia membuat keris ataupun membuat tengkolok ataupun baju-baju tradisi yang lama. Untuk makluman Y.B. EXCO pusat kraf tangan di Kuala Lumpur itu hampir-hampir pupus ditutup kerana terletak dalam laluan MRT, jadi apakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia menjadikan satu pusat yang saya lihat yang paling sesuai di tepi tasik Shah Alam itu. Saya tak tahu apa nama pusat budaya yang tempat yang di tasik Shah Alam itu nampak ada ciri-ciri kemelayuan, ciri-ciri budaya. Galeri. Apakah boleh disesuaikan jadi pusat untuk kita mempamerkan barang-barang adat Melayu di situ. Yang ketiga saya pergi ke Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor ini Y.B. bahawa saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Y.B. Sekinchan, Y.B. Hulu Kelang tentang rumah terbengkalai. Perkara ini memang di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat itu semua kita tahu tetapi apakah inisiatif kerajaan untuk mewujudkan mungkin enakmen ataupun peraturan kecil yang mana kita boleh memberi kuasa kepada kerajaan untuk mengendalikan operator-operator yang degil ini ataupun pelikuidasi ataupun *liquidator* yang tidak mahu bekerjasama. Kalau kita boleh menjuarai isu ini saya ingat kita boleh mampu membantu banyak mangsa-mangsa yang membeli rumah yang terbengkalai sekarang ini dan saya juga ingin menarik perhatian tentang perkara pemilikan orang luar ataupun *advisee* di bawah *federal investment committee* ini. Had pemilikan warga asing ini kalau di Melaka pemilikan warga asing hanya had tidak lebih tidak lebih kurang dari RM500,000.00. Kalau di Kuala Lumpur tidak kurang daripada RM1,000,000.00. Tetapi di Selangor pemilikan warga asing mesti tidak kurang daripada RM2,000,000.00. Saya nak tahu apakah rasional yang ada sehingga kita melebihi had yang diletakkan oleh Bandar raya Kuala Lumpur dan hari ini semua mendengar bahawa perbahasan tentang Selangorkini. Suka tidak suka mahu tidak mahu bahawa Selangorkini disambut baik oleh masyarakat di bawah. Setiap orang dalam masjid, dalam surau setiap hari Jumaat mereka akan membaca Selangorkini membaca maklumat yang ada di dalam Selangorkini. Sebab itulah kita kena rai bahawa Nombor 1 keseragaman dari segi berita ADUN-ADUN itu saya lihat mesti ada. Kadang-kadang saya lihat saya dah pernah bangkitkan berita Paya Jaras pun kadang-kadang dah makin dilupakan saya pernah tegur tapi tidak nampak juga dalam Selangorkini dan saya juga nak membangkitkan bahawa tentang pengedaran Selangorkini. Pegawai kita di DUN mengedarkan Selangorkini siang dan malam, bukan mudah. Mengambil beban yang berat, hantar ke masjid-masjid ke surau-sarau ke tempat-tempat. Apakah kerajaan boleh *review* balik insentif yang diberikan

untuk pengedar-pengedar di peringkat bawahan ini di peringkat DUN dan yang terakhir saya nak bangkitkan tentang Selangorkini ini adalah kita mesti menghargai wartawan-wartawan ataupun kakitangan yang ada dalam CCSB ataupun dalam Selangorkini ini. Kita tidak nafikan kita buat program turun padang dia ikut kita, kita ada *Jom Shopping* dahulu dia turut kita, kita ada pemberian baucar dia turut sama kita. Tetapi untuk menarik perhatian YAB Dato' Menteri Besar, saya diberitahu bahawa kebajikan kakitangan CCSB ini tidak berapa teratur. Antaranya saya difahamkan bahawa penyelarasan gaji tidak berlaku lagi, bonus bila kita umum bonus mereka tidak menerima bonus dan ada perkara-perkara yang saya minta kerajaan melihat balik kerana apa, kerana Selangorkini ini sangat berkesan dari segi maklumat berbanding dengan akhbar-akhbar cetak yang lain. Sekarang ini banyak akhbar-akhbar bercetak dah hampir nak pupus kerana ada teknologi *internet*. Tetapi Selangorkini masih berdiri dengan baiknya, masih orang membacanya. Jadi saya harap kalau boleh YAB Dato' Menteri Besar melihat tentang masalah penyelarasan gaji, tentang gaji, tentang bonus kakitangan, pemberita kita dan kebajikan-kebajikan dalam Selangorkini. Tentang perkara yang seterusnya tentang YAWAS. Yayasan Warisan Anak Selangor saya tidak ada masalah dengan pengendalian YAWAS tetapi boleh ke kita cari nama lain YAWAS dia macam pelik sikit. Saya tak tahu macam tak berapa nak ngam sebenarnya, mungkin Y.B. EXCO kita ada bijak pandai, 10 orang saya tak tahu mungkin ada nama-nama baru. Kita minta Y.B. EXCO kita fikirilah. Tapi nama YAWAS agak pelik daripada dulu saya kenapa nama ni YAWAS agak pelik. Jadi saya membawa inspirasi daripada beberapa orang boleh kita kaji balikkah nama-nama dan apa yang paling penting sekali sekarang ini data-data. Kita tidak tahu berapa jumlah orang yang terima bantuan kita, kita tidak tahu berapa YAWAS yang perlu kita kendali. Kita tidak tahu yang terima. Jadi saya harap perkara-perkara ini dapat diselaraskan dengan sempurna dan baik dan begitu juga dengan Mesra Emas yang dulu juara, *Jom Shopping* saya masih tidak berapa faham kenapa sehingga hari ini dah 2 tahun dah. Dah 2-3 tahun *Jom Shopping* masih belum dilaksanakan kerana masih ada orang-orang tua kita di kampung bila berjumpa kita dia tanya bila lagi nak *Jom Shopping*, dia menghargai program itu. Jadi saya harap program ini diteruskan apa pun saya ucapkan tahniah kepada semua kabinet EXCO kita yang menjalankan tugas dengan baik, Cuma ada beberapa perkara yang saya rasa perlu kita betulkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah pihak Kerajaan, Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih Pengerusi, tentang Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Dewan sebentar tadi, pertama ialah tentang jumlah pengunjung yang dibangkitkan oleh Damansara Utama. Jumlah pengunjung bagi Perpustakaan Awam Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

- Perpustakaan Raja Tun Uda , Shah Alam – 599,658 orang , ini data yang terkini sehingga September 2016.

- Perpustakaan Daerah – 187,324 orang
- Perpustakaan Cawangan – 125,345 orang
- Perpustakaan Pekan – 54,905 orang
- Perpustakaan Desa – 199,169 orang
- Perpustakaan Bergerak – 14,115

**Jumlah Keseluruhan – 1,180,516**

Seterusnya Kota Anggerik ada membangkitkan tentang Perpustakaan Desa yang masih uzur sebab itu kita telah menambah peruntukan untuk Perpustakaan pada tahun 2017 berbanding dengan 2016 dan kita berharap yang ini dapat sedikit sebanyak dapat atasi masalah potongan peruntukan oleh Kerajaan Persekutuan. Seri Andalas dan Paya Jaras ada membangkitkan tentang isu *database* Skim Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor, ini kita sedang bangunkan dengan kerjasama YAWAS dan juga Bahagian Teknologi Maklumat, SUK. Selat Klang membangkitkan tentang perpustakaan daerah yang hanya mempunyai satu orang staf dan ini juga turut dibangkitkan oleh Taman Medan. Untuk makluman PPAS ada membangkitkan perkara ini dengan pihak JPA tetapi setakat ini belum ada jawapan positif daripada pihak JPA jadi kita mungkin akan bincang dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK untuk melihat *availability* dengan izin staf-staf kontrak untuk mengatasi masalah tersebut. Tentang perpustakaan-perpustakaan yang dibangkitkan oleh Paya Jaras sebentar tadi tentang keadaan yang uzur itu kita akan pantau keadaannya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Batu Tiga berkenaan dengan Galeri Seni ataupun Galeri Shah Alam, Kota Anggerik . Saya nak maklumkan bahawa Galeri Shah Alam ini di bawah kelolaan Yayasan Seni Selangor Darul Ehsan yang mana Pengerusinya ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan sendiri dan Ahli-Ahli Pengarahnya melibatkan Menteri Besar, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, PWN dan beberapa pegawai-pegawai lain. Antaranya Dato' SUK, Yang Berhormat PWN dan Yang Berhormat Pengarah JAIS. Jadi sejak ditubuhkan semenjak tahun 1991 sebenarnya Galeri Shah Alam ini merupakan di antara tempat-tempat ataupun antara kawasan yang selalu digunakan oleh pelajar-pelajar atau aktivis-aktivis seni dan budaya dan di antara pelukis yang terkenal yang pernah dari sini adalah Suzi Ibrahim sebagai contoh. Itu salah satu yang memulakan karier solonya ataupun pameran solonya pada di galeri ini pada waktu ini dia beliau telah mempamerkan lebih daripada 23 pameran solo di seluruh

Malaysia. Jadi *Insyah-Allah* kalau diikuti kelolaannya ia diuruskan oleh Yayasan Seni Selangor namun begitu kerjasama yang erat bersama dengan MBSA tetap dilaksanakan. Banyak program kita laksanakan dan salah program yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kebudayaan Negeri ialah *Festival of Ideas* ataupun Festival Idea yang telah berlangsung tahun lalu dan mendapat sokongan dan dorongan yang sangat baik malahan program terakhir yang dilaksanakan oleh mereka adalah pada 24 Oktober yang lepas iaitu pameran terbuka sempena dengan 25 tahun pembukaan galeri ini. Jadi saya sangat teruja kalau ada pihak ingin terlibat sama malahan untuk mewar-warkan lagi ataupun menimbulkan minat yang lebih ramai khususnya untuk terlibat bersama-sama di dalam galeri ini. Cadangan Paya Jaras itu mungkin kita boleh nilaikan nanti supaya boleh bekerjasama dengan Perbadanan Adat Istiadat Melayu dan Warisan bagaimana untuk mempamerkan beberapa produk-produk kita yang ada sebab kita pernah menggunakan produk antarabangsa antaranya 2 Jun yang lalu saya merasmikan pameran bersama dengan *Japan Foundation* dengan izin ataupun Yayasan Jepun yang mempamerkan tentang satu produk *Tohoku* berkenaan tsunami yang melanda negara tersebut pada tahun 2011 yang lalu, *Insyah-Allah* dan saya bersedia untuk membantu.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B DATO' SERI MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Tuan Speaker , beberapa Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan tentang peranan CCSB dan sukacita saya memaklumkan bagi pihak Kerajaan Negeri saya memaklumkan bahawa peruntukan yang kita sediakan bagi CCSB untuk tahun 2017 adalah khusus untuk memperkasakan peranan CCSB bagi menyampaikan maklumat termasuk dasar-dasar Kerajaan Negeri khususnya dan juga program-program Kerajaan Negeri bukan sahaja dalam bentuk cetakan ataupun *printed* media tetapi CCSB juga diberikan tugas baru untuk menggunakan kemudahan media sosial bagi menyampaikan maklumat secara tepat dan adil serta pantas kepada rakyat di dalam Negeri Selangor dan saya percaya pandangan dan maklum balas yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sebentar tadi akan diambil kira oleh CCSB dalam menjadikan CCSB dan medium ini sebagai satu saluran yang dapat membantu meningkatkan kesedaran rakyat Negeri Selangor tentang program dan dasar Kerajaan Negeri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Sekinchan yang menyentuh persoalan jeti nelayan yang sebelum ini memang tidak dilihat dengan cara yang baik oleh pihak-pihak yang sebelumnya yang menyebabkan jeti yang agak uzur dan kedudukan tanah yang tidak diuruskan dengan baik dan kesukaran di pihak kerajaan untuk membantu dan sebagainya. Maka satu Jawatankuasa Pengurusan Jeti yang telah diurussetiakan oleh LUAS bersama-sama dengan agensi telah membuat bancia sebanyak 1,350 jeti di seluruh Selangor dan

bermula dengan Sekinchan dan sekarang dalam proses untuk bancian yang terperinci. 4 daerah telah pun siap bancian terperinci Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, peringkat akhir Sepang, Pulau Ketam dan juga Sekinchan oleh kerana prosesnya bermula awal dan sekarang dalam proses akhir untuk dibawa ke Pejabat Daerah Sabak Bernam untuk diproses TOL dan kita mengharapkan supaya proses ini dapat dipercepatkan dan sebagaimana yang Sekinchan sebut ini sebagai *pilot* bila mana pemutihan selesai berlaku di Sekinchan maka di kawasan-kawasan lain disegerakan dan bila mana proses ini selesai pemutihan telah pun berlaku maka banyak sebenarnya pihak Kerajaan boleh membantu nelayan secara khususnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih kepada Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian. Yang pertama adalah daripada Damansara Utama yang telah menyentuh tentang laman web LPHS, *Insyah-Allah* perkara ini kita ambil maklum dan kita akan *upgrade*. Kedua adalah pekeliling-pekeliling tentang polisi-polisi baru oleh Lembaga Perumahan dan kita mengambil maklum dan kita akan memastikan bahawa sebarang polisi atau peraturan-peraturan baru akan diberikan kepada semua Ahli Dewan Negeri supaya mereka tidak tahu terutamanya melalui surat khabar atau media tetapi terus kepada mereka. Seterusnya tentang Kota Damansara, PPR Kota Damansara yang disentuh tadi, ingin saya maklumkan bahawa pengurusan PPR Kota Damansara adalah dilaksanakan oleh sebuah syarikat Lembaga Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd dan setakat ini yang telah dibelanjakan sejak dia mula diambil alih sebanyak RM5,000,000.00 telah dibelanjakan di mana yang paling tinggi adalah sebanyak RM1.3 juta untuk kerja pembaikan dan menaik taraf lif sebanyak RM794,404 adalah untuk pembaikan dan naik taraf *railing*, susur tangga dan koridor dan kerja-kerja mengecat sebanyak RM1.3 juta. Jadi bermakna bahawa memang telah dilaksanakan dan dalam perancangan di mana kita akan baik pulih dari masa ke semasa. Seterusnya adalah daripada Kota Damansara iaitu mahu supaya pegawai tidak sombong dan mesra alam. Mesra alam saya tak faham apa maksud mesra alam sebab kita bercakap tentang manusia bukan tentang alam sekitar, ataupun sungai, ataupun gunung, ataupun tumbuh-tumbuhan. Saya akan memaklumkanlah tak apa. Tak apa saya akan maklumkan supaya mereka lebih mesra tetapi saya lebih baik sekiranya diberikan *specific cases* supaya dapat kita selesaikan. Kita tak boleh bagi dengan izin *statement* sahaja tetapi kena pergi kepada *specific cases* contohnya saya setuju ada langsuir yang menghisap darah namanya GST sebenarnya, 6% itu sebenarnya langsuir yang patut kita takutkan, cukuplah dah petang. Seterusnya Taman Medan tadi..

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Nak mencelah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Nak mencelah boleh.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Saya nampak langsuir yang wujud depan mata saya itu yang baju itulah.

**TUAN SPEAKER** : Kota Damansara dan Chempaka saya nak ingatkan *chemistry* ini terlalu terus kepada Lembaga Perumahan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Okey. Seterusnya adalah tentang Taman Medan. Memang apa yang kita lakukan sekarang adalah kita akan letak *signboard* selepas projek ceria itu siap kita akan letak *signboard* mengatakan bahawa projek ini ialah menggunakan Skim Ceria Tetapi masalahnya..

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Lepas siap ?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Lepas siap, tapi masalahnya saya faham sebab kadang-kadang *sub-con* pakai baju undilah saya pun tak tahulah sebab baju itu kadang-kadang kebanyakan *sub-con* ini kadang-kadang daripada Bangladesh dan mungkin daripada Vietnam sebab baju tersebut memang diberikan kepada rakyat Bangladesh secara meluas saya tahu jadi sampai sekarang mereka pakai saya tak tahulah sama ada rakyat Bangladesh ini mengundi atau tidak tetapi ialah bermakna mungkin kita boleh *control* dan memastikan bahawa boleh kita buat siapa kontraktor-kontraktor kena pakai baju standard tapi yang penting kita ada *signboard* dan mungkin mengambil maklum apa yang telah dilakukan daripada awal lagi kita letak *signboard* bukan setelah siap.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Ya saya setuju dengan cadangan tersebut begitu juga mengambil kesempatan satu peruntukan besar telah diluluskan untuk membaik pulih bangunan dan sebagainya itu elok diadakan majlis untuk bertemu dengan rakyat bahawa ini adalah projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri bagi keselesaan rakyat. Saya nampak ini *should be one of the SOP* dalam Program Ceria.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : *Insyah-Allah* kita jadikan program ADN boleh? Kongsi bersama dia punya itu peruntukan. Jadi *Insyah-Allah* kita akan lakukan supaya program kita itu tidak di *hijack* oleh pihak-pihak lain. Yang seterusnya adalah Bukit Gasing. Saya sebenarnya perlukan statistiknya saya perlukan masa betullah walau bagaimanapun saya akan umumkan *target* kita, memang kita perlukan *target* sebab kita perlu serius benda ini sebab mereka yang tidak membayar *charge* atau *maintenance charge* ini akan memberi masalah kepada semua orang. Yang ini saya akan umumkan *target* untuk kita tahun hadapan. Seterusnya adalah daripada Paya Jaras dan Hulu Kelang tentang projek terbengkalai di mana projek terbengkalai memanglah tanggungjawab sebab dari segi menandatangani akan SNP itu *the state is not a party of agreement* jadi bermakna bahawa tanggungjawab kita sebenarnya tiada tapi sebagai kerajaan kita prihatin

untuk menyelesaikan cuma yang diumumkan tadi yang diminta pendidikan bahawa tanggungjawab adalah tanggungjawab mereka bukan tanggungjawab kerajaan tetapi kerajaan membantu dan ada sebenarnya akta-akta ataupun seperti mana di dalam HDLA ataupun *Housing Developer Licensing Act* pindaan yang terbaru di mana pemaju-pemaju boleh dibawa di penjara akibat daripada gagal menyiapkan bangunan tapi saya tidak lihat lagilah ada pemaju yang telah dipenjarakan jadi bermakna bahawa Kerajaan Negeri perlu memberi pendidikan sebabnya nak dia punya masalah projek ini ataupun masalah terbengkalai ini terlampau besar. Saya ambil kira bahawa kita ada satu tabung iaitu tabung projek perumahan terbengkalai ataupun tepat di mana kita telah ambil kita ada RM20 juta di dalam tabung tersebut dan kita cari satu projek yang paling berpotensi, yang paling berpotensi dan paling kurang bermasalah iaitu projek Pangsapuri Bukit Rimau dengan lebih kurang 320, 320 projek unit rumah kos rendah yang terbengkalai. Kita *check* projek tersebut rupanya untuk memulihkan memakan belanja sebanyak RM38 juta. Satu projek 300 unit. Bayangkan kalau kerajaan nak *inter frame* banyak lagi berpuluh projek, memanglah kita tidak ada kemampuan untuk berbuat demikian. Tapi kita dengan, tetapi ada yang kita telah selesaikan melalui cara-cara lainlah. Kita boleh memberi kebenaran kepada pemaju untuk menaikkan harga rumah-rumah yang belum dijual lagi. Atau dengan cara-cara lainlah. Inilah caranya kalau nak bagi *directgrant* untuk memajukan ataupun menyelamatkan memang kosnya adalah terlalu tinggi.

Berkenaan dengan sekatan kepada warganegara asing untuk membeli rumah, kenapa 2 juta di Negeri Selangor, kenapa ditempat lain harganya adalah lebih murah. Sebab kemampuan ataupun *focus* mereka adalah kepada Selangor ataupun kepada Lembah Klang. Walaupun kita set RM2 juta masih lagi ramai daripada luar yang mampu sebab dengan keadaan ringgit yang naik turun, tak ada naik turun, turun saja ni, memang kalau kita biarkan kita turunkan daripada RM2 juta maka habis tanah-tanah ataupun hartanah di Selangor ini akan dapat dibeli oleh warganegara asing. Dan setakat ini kita melihat bahawa permintaan rumah terlalu tinggi oleh warganegara tempatan jadi bermakna kita tidak bercadanglah untuk mengubah tahap tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Batang Kali yang menyentuh Invest Selangor. Yang pertama sekali saya Tuan Speaker saya tak pasti Batang Kali ni dia keliru atau dia sengaja nak mengelirukan. Beliau mengatakan tentang KPI. Bukan, saya tidak jawab dalam Dewan semalam bahawa tidak ada KPI untuk Invest Selangor. Soalan daripada Batang Kali soalan untuk jawapan mulut adalah KPI untuk *Selangor International Expo*. *Selangor International Expo* memang kita belum tetapkan apa-apa KPI kerana kita baru belajar. Tahun lepas baru kita buat. Dan keputusan begitu menggalakkan. Kita dapat 400 gerai yang penuh. Tahun ini kita buat tambah lagi menjadi 565 pertambahan sebanyak 40%. Kita masih belajar



memandu. Jangan tanya sekarang pecutan sekarang ni satu berapa kilometer satu jam kita bawak. Baru belajar. Belajar dulu mahir dulu.....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Mohon mencelah.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Habiskan dulu, duduk. Dengar saya dengar 10 minit dia cakap. Saya tiga minit tak sampai dia nak mencelah. Memandu, belajar dulu. Semua mahir, tukar gear semua betul baru kita nak cerita. Sekarang saya nak pandu. 80 kilometer satu jam. Lepas tu dah 80 nak naik lagi seratus. Lepas tu 110, jangan lebih tu nanti kena saman. Itulah caranya. Bukan sekarang baru belajar oh dah cepat. Tak boleh. Ha itulah kemahiran dengan pengetahuan. Kita kena ada pengetahuan sebegitu. Dan apabila kita melihat berapa yang kita belanja untuk mempromosikan Selangor sebagai destinasi pelaburan, kita mengatakan promosi. Promosi ni kadang-kadang sukar. Sukar kita nak meramalkan berapa yang dapat kita belanja kemudian berapa pulangnya. Bukan senang, promosi. Dan kita melihat saya kata KPI tadi. Untuk pelaburan, menarik pelaburan kita ada KPI. Tahun lepas kita menetapkan RM8 bilion kita dapat RM7.9 bilion, dah dekat, baguslah. Tahun ni kita turunkan menjadi 6 bilion. Setakat ni sehingga Ogos tahun ini kita dapat RM3.8 bilion. Kita Nampak ada mungkin kemungkinan kita mencapai angka 6 bilion, ada KPI. Sebenarnya Invest Selangor sudah meletakkan KPI untuk tahun hadapan. Walaupun saya ingatkan terlalu awal untuk meletakkan KPI untuk tahun depan tapi dia buat. Inilah Penjawat Awam kita, inilah orang dalam yang menjaga Invest Selangor. Belum disuruh sudah buat. Jangan kata tak ada KPI. KPI mana ...itu sebab saya kata jangan kelirukan orang. Kalau sendiri keliru itu masalah sendirilah. Dan kita melihat juga ooh... hampir 1 juta dibelanja tak sampai pun angka dengan Johor. Johor dia lain. Johor dijaga oleh Kerajaan Pusat. Dia tubuhkan agensi yang khusus dari Pusat. Bayar gaji tinggi-tinggi semuanya seluruh tenaga Kerajaan Pusat bagi pada Johor. Iskandar .....patutlah dia boleh...kita tidak...tak ada koridor. Johor ada Iskandar, yang utara ada koridor Utara, Selatan ada, Sabah ada, Sarawak ada, Selangor tak ada. Selangor semua kata Kuala Lumpur. Patutlah orang tak kenal Selangor. Sebab tu kita kata *now* kita nak tukar keadaan ni. Kita kena lihat. Secara holistik kalau kita lihat ni Johor ni dia projek bukan yang terbanyak. Walaupun yang pelaburan di sana berlipat ganda banding dengan Selangor ni lima kali enam kali lebih banyak. Tapi bilangan projek kalah. Selangor tetap selama mungkin lebih 20 tahun. Bilangan projek yang luluskan untuk Selangor sekarang ni lepas 20 tahun masih yang tertinggi di Malaysia. Itu dia tak cakap. Itu dia tak sebut. Kita cuma kalah Johor No.2. Ada lagi 11 Negeri campur Kuala Lumpur dibelakang kita dia tak cerita. Haa..kenal patut, kenal adil. Kemudian kita lihat ni, yang ini angka-angka yang diumumkan oleh MIDA ini hanya untuk pembuatan. Untuk industri *manufacturing*. Tapi kalau kita tengok KDNK Negeri Selangor, KDNK Negeri Selangor 59.4% datang daripada sektor perkhidmatan. Daripada sektor *manufacturing* hanya 29.4% dimana kekuatan kita pada *service industry* bukan pada *manufacturing industry*. Ha itu dia pun kena faham. Dan kita lihat juga, kalau kita lihat juga kita banyak datang ke sini. Dan kita sebab tu kita lihat

sekarang ni banyak persaingan, Johor ada Negeri Sembilan tanahnya murah, tempat lain Kedah tanahnya murah, macam mana kita nak menarik. Sebab tu kita ada *master plan* kita. *Master plan* yang kita dah siap kita melihat kita kena ada ..... Untuk pergi pada 5 bidang iaitu yang saya sebut sebelum ni bidang dalam bidang life sciences, dalam bidang pembuatan, elektronik dalam apa tu, *transport equipment*, dalam bidang makanan.....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Minta mencelah sikit, sikit saja

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tak da, duduk, duduk, duduk

**Y. B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Nak ucap tahniah....tak boleh

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tak payah. Tak payah tahniah pun, kerja buat betul dulu. Kita tengok keadaan secara *holistic*.....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Dah dapat KPI.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Nanti duduk dulu.....kita habiskan, secara *holistic* kita tengok . Ini, inilah 5 bidang yang akan kita berikan tumpuan bukan kita macam dulu. Semua kita nak sebab tu Johor tu kita tak ambil. Apa tu, Pengerang, Projek Pengerang, Oil & Gas yang akan mendatangkan pencemaran yang teruk. Haa itu kesan yang kita kena tengok. Itu kita tak nak. Walaupun pelaburan tinggi. Tapi KDNK kita tak nampak, KDNK kita masih yang paling tinggi. Johor tak sampai 10% KDNK kepada kebangsaan. Kita 22.6%. Itu kena lihat. Input banyak output tak ada buat apa. Kita untung sikit tapi output banyak. Itu dia tak sebut.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Pinang satu minit lagi boleh tak.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Satu minit, baik satu minit tak apa. Dan kita juga kita lihat juga zaman keemasan untuk Selangor kalau kita tak buat perubahan selalu sebab tu kita tumpukan lima bidang dan lima bidang ini kita juga memberi penumpuan kepada apa tu perkhidmatan. Kita nak jadikan Selangor ni *global trading hub*. Sebab tu kita buat CITECH E-Commerce. Sebab tu kita buat Halal International Selangor. Dato' Menteri Besar sendiri yang mempengerusikan majlis Halal International Selangor. Itu menunjukkan bahawa kita ada, ada perancangan untuk membina struktur ekonomi yang lebih baik lebih kukuh untuk Selangor untuk masa depan bukan untuk tahun ini tahun depan. Dan disitu juga Bio Bay Y.A.B. juga mengumumkan 10 juta untuk menubuhkan sebagai *side fund* saja dah kita hulurkan 10 juta tak ada negeri mana-mana yang buat, Kerajaan Pusat pun tak buat, tapi Selangor kita buat. Itu kena lihat. Aeroangkasa juga memberi penumpuan. Jadi

semua ni kita kena tengok secara keseluruhan. Jangan tengok angka sikit saja. Sekian. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Lanjan 2 minit.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING** : Terima kasih. Tuan Speaker, saya hanya akan sentuh perkara yang dibawa oleh Damansara Utama dan juga oleh Kinrara. Nanti di luar Dewan. Lembaga Urus Air Selangor LUAS telah menyemak kadar *charge abstracts* air dengan bantuan daripada UKM Perunding dan laporan tersebut telah dibentangkan kemajuannya kepada Lembaga Pengarah LUAS pada September 2016 ianya akan dimuktamadkan di peringkat MMKN. Memang betul apa yang disebut oleh Damansara Utama *charge abstracts* di Negeri Selangor adalah yang paling rendah di Malaysia dan inilah masa untuk kita menyemak semula. Selain daripada itu kita juga sedang menyemak beberapa perkara seperti *charge* aktiviti, pengubahan aktiviti, pengubahan sumber dan sebagainya. Berkenaan tentang hutang LUAS berjumlah 6 juta ringgit hutang ini sebenarnya telah dikutip dan jumlah yang terbesar adalah daripada Kapar Energy Venture Sdn Bhd dan Konsortium Air Selangor Sdn Bhd. Soalan daripada Kinrara di dalam LUAS kita ada 17 orang anggota penguatkuasa dan 62 pegawai lain yang memegang kad kuasa untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Enakmen LUAS 1999. Dan pada bulan September sebenarnya kita telah meluluskan 45 lagi jawatan, pelbagai jawatan di mana 8 orang adalah anggota penguatkuasaan.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang, 2 minit.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Speaker. Saya hanya ingin memberikan sedikit respon kepada Hulu Kelang dan juga Paya Jaras. Berkaitan dengan pendokumentasian ataupun penulisan riwayat ni memerlukan minat yang sangat mendalam. Terutamanya yang disebutkan ulama yang berada di istana ataupun ulama-ulama di Selangor. Dan di PADAT sendiri kita akan menggalakkan staf-staf kita untuk membuatkan penulisan-penulisan tersebut dan saya kira di Selangor sendiri kalau ikutkan sejarah kesultanan sendiri ada di kalangan Sultan, Sultan Alauddin di Istana Bandar dulu yang juga menulis buku-buku berkaitan agama dan hatta ketika itu beliau juga berkhutbah semasa di zaman pemerintahannya dan kita juga mendapat makluman melalui sejarah bahawa beliau juga yang memulakan mengajak wanita-wanita bersekolah ataupun anak-anak perempuan bersekolah menggunakan kereta lembu pada ketika itu. Yang sekarang ini dijadikan kita dapat makluman bahawa daripada sejarah itulah wujudnya bas sekolah pada ketika itu. *Insyaa-Allah* kita akan ambil cadangan-cadangan yang baik ini. Berkaitan dengan Paya Jaras yang menyebutkan tadi perlu diadakan ruangan-ruangan kepada mereka-mereka yang mahir dalam satu bahan termasuklah mempamerkan bahan-bahan yang mereka ada termasuk keris dan sebagainya, sebenarnya PADAT mempunyai hubungan yang sangat baik dengan NGO-NGO yang di luar sana dan kita memberikan ruangan-ruangan untuk mereka

mempamerkan sama ada di dalam Muzium Shah Alam itu sendiri ataupun di dalam program-program sama ada kita program turun ke sembilan-sembilan daerah Negeri Selangor ataupun program-program yang kita adakan secara tahunan. Insyallah dengan adanya naiktaraf ataupun baikpulih ruang lobi Muzium Selangor dalam dan luar kita mempunyai ruang yang lebih besar kita akan panggil mereka-mereka ini untuk terlibat dan juga dalam pameran-pameran yang boleh dipamerkan kepada rakyat Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Jadual B2 iaitu wang sejumlah 82, 090,909.00 untuk kepala B2 Pelbagai Perkhidmatan menjadi sebahagian daripada jadual. Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Dewan bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah hampir 4.30 petang. Sekarang sudah 4.30. Maka saya tangguhkan sesi Dewan sehingga hari Isnin ini 7hb. November jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**